

# RISALAH USIM


*The News Bulletin Of Universiti Sains Islam Malaysia*

[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**Edisi Khas 2011**



- Jadikan Tahun ini Sebagai Lonjakan Prestasi, Perutusan Naib Canselor 2011...m/s 4
- Tuanku Aishah Rohani Canselor ke-2 USIM ...m/s 5
- Xplore USIM 2011 Meriah ...m/s 13
- USIM Anjur Majlis Menjunjung Kasih Hargai Tunku Ampuan Najihah ...m/s 35
- Global Islamic Students Outreach 2011 (GISO 2011) ...m/s 42 & 43



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO: AR 3414

## Sidang Redaksi **RISALAH USIM**

### **Penaung**

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda  
Naib Canselor

### **Penasihat**

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah  
Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni

Y.Bhg. Prof. Dr. Musa Ahmad  
Timbalan Naib Canselor Akademik &  
Antarabangsa

Y.Bhg. Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah  
Dekan Penyelidikan dan Inovasi

Y.Bhg. En. Muhammad Haizuan Rozali  
Pendaftar

### **Ketua Pengarang**

Puan Suhaili A.Jalil  
Ketua  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

### **Penolong Ketua Pengarang**

En. Khairul Azizi Elias  
Penolong Pendaftar  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

### **Sidang Pengarang**

Prof. Madya Dr. Rosni Samah  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

En. Hisham Taky Eldin Kandil  
Pensyarah  
Pusat Pengajian Teras

Pn. Norhana Abdullah  
Pensyarah  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Cik Noor Adibah Mohamad  
Pegawai Penerbitan  
Bahagian Penerbitan

### **Konsep & Reka bentuk**

En. Mohd Saiful Abdul Samad  
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

Cik Wahida Abbas  
Pereka Grafik  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

En. Shahreza Mohameddin  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

**Fotografi**  
En. Kamarull Syamzari Kamaruddin  
En. Mohd Yusrizal Mohd Yunus

**Reka bentuk & Dicetak**  
Threecomm Design & Media

**Kulit Buku**  
Gambar Tempat Pertama Pertandingan  
Fotografi Sempena Karnival Eksplorasi USIM  
2011



## **Pena Dari Ketua Pengarang**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.*

*Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT dan limpah kurniaNya, terhasillah Risalah Edisi Khas 2011 yang merupakan kompilasi sorotan sejarah dan peristiwa-peristiwa penting buat USIM pada sepanjang tahun 2011. Tahniah kepada sidang editorial Risalah pada kali ini di atas kejayaan menerbitkan Risalah USIM sekali lagi.*

*Risalah Edisi Khas 2011 ini merupakan satu lagi edisi istimewa kerana telah merakamkan detik-detik bersejarah pemasyurran Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud sebagai Canselor USIM yang kedua. Satu lagi peristiwa bermakna yang dimuatkan di dalam edisi ini ialah sisipan tentang Majlis Menjunjung Kasih bagi menghargai Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin yang telah memayungi USIM sebagai Canselor yang pertama sejak penubuhannya lagi.*

*Selain itu, artikel pembuka bicara Risalah pada kali ini memfokuskan kepada intipati Amanat Tahun Baru Naib Canselor USIM. Perancangan-perancangan USIM yang diilhamkan serta harapan-harapan yang disuarakan oleh Naib Canselor USIM pada awal tahun 2011, telah terbukti menjadi realiti dengan catatan peristiwa serta kejayaan-kejayaan perancangan tersebut di dalam Risalah edisi Khas 2011. Ini termasuk pelbagai sisipan yang merangkumi liputan tentang aktiviti GISo mahasiswa USIM, berita-berita tentang perkembangan terkini USIM dalam melebarkan rangkaian rakan strategiknya dan tentang sumbangan warga USIM kepada masyarakat. Semoga Risalah USIM kali ini semakin menepati tujuannya iaitu untuk memberikan gambaran jelas mengenai aktiviti USIM selaras dengan perkembangan USIM yang semakin rancak.*

*Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Risalah USIM Edisi Khas 2011 ini. Salam ukhuwwah dan jumpa lagi di lembaran Risalah USIM yang akan datang. Sekian, selamat membaca.*

*Terima kasih dan wassalam.*

**Suhaili A. Jalil**

*Ketua Pengarang.*

# Perutusan Naib Canselor

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamiin, segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam yang telah mempermudahkan segala urusan dengan kehendak-Nya, maka penerbitan Risalah USIM kali ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tahun 2011 menjadi tanda aras lonjakan prestasi kepada Universiti Sains Islam Malaysia untuk mengharungi tempoh 10 tahun lagi di hadapan bagi mencapai inovasi dan kreativiti dalam melahirkan modal insan yang mampu menggarap nilai tambah lantas memberi impak kepada masyarakat umum serta Islam khususnya. Seluruh warga USIM harus bekerja keras untuk meletakkan imej yang baik kepada Universiti sekurang-kurangnya menjadikan USIM sebagai pintu gerbang dan hub pendidikan serantau kepada pengajian tinggi di Malaysia atau gateway to Malaysian higher education.

Pemasyhuran Canselor yang baharu, Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, menyemarakkan semangat dan meluaskan lembaran baharu untuk terus dicipta oleh warga USIM. Titah baginda di dalam Majlis Konvokesyen Kesembilan pada 3 Disember 2011 akan terus menjadi azimat ke arah kecemerlangan akademik dan pentadbiran di bumi bertuah USIM.

Sejarah terus dipahat tahun ini dengan penekanan yang tinggi diberikan kepada aspek pembelajaran dan pengajaran khususnya kepada kakitangan dan mahasiswa/i USIM. Kejayaan demi kejayaan dicapai dalam segenap aspek yang meliputi ruang wacana akademik, kepimpinan, tanggungjawab sosial korporat dan sebagainya. Dalam pada itu, mahasiswa dan mahasiswi USIM terus dominan dalam pertandingan dan kejohanan seperti debat, kebudayaan, patriotisme, inovasi dan kreativiti sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa.

Kini USIM telah menyebarluaskan sayapnya dalam aspek rangsangan penyelidikan, pengajuran program, aktiviti dan seminar bertaraf antarabangsa sehingga kepada pembudayaan ilmu secara holistik yang berupaya meningkatkan citra dan imej Universiti ini.

Akhir kalam, syabas dan tahniah diucapkan kepada mereka yang telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran pada tahun 2011 ini. Semoga kecemerlangan institusi ilmu ini dapat diteruskan untuk dekad seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**BERILMU • BERDISIPLIN • BERTAKWA**

Salam hormat,

**PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA**

Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia



# Jadikan Tahun Ini Sebagai Lonjakan Prestasi



**S**eluruh warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diminta untuk menjadikan tahun ini sebagai lonjakan prestasi ke arah lebih gemilang menjelang 2020. Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda berkata, langkah itu selari dengan hasrat universiti membantu kerajaan memacu kejayaan mencapai status negara maju melalui pelaksanaan Model Baharu Ekonomi (MBE) menjelang 2020.

"USIM hanya mempunyai tempoh 10 tahun lagi untuk mencapai inovasi dan kreativiti selain melahirkan modal insan yang boleh memberi impak dan nilai tambah terhadap aktiviti yang telah dilaksanakan kerajaan."

"Oleh itu, saya berharap seluruh warga USIM supaya menerapkan inovasi dan kreativiti dalam kerja masing-masing demi memastikan kecemerlangan terus dicapai pada masa depan," katanya ketika menyampaikan perutusan dan amanat tahun baru 2011 kepada seluruh warga USIM.

Menurutnya, warga USIM termasuk golongan pendidik diharapkan dapat memberi fokus dan menjalankan kerja yang mempunyai nilai dan impak yang tinggi.

"Ini kerana kita tidak mempunyai masa lagi untuk 'bermain' atau berseronok serta menjalankan tugas sekadar memenuhi arahan."

"Marilah sama-sama kita mananam azam dan tekad tahun baru ini untuk mengembangkan lagi pendidikan berteraskan pengajian Islam di negara ini," jelasnya.

Dalam ucapannya juga, Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda turut menegaskan bahawa pada tahun ini dan tahun-tahun yang mendatang sehingga tahun 2020, seluruh warga USIM harus bekerja keras dengan meletakkan satu imej yang baik kepada Universiti.

"Kita ingin menjadikan USIM sebagai pintu gerbang kepada pendidikan tinggi di Malaysia ataupun *gateway to Malaysian higher education*."

"Kita mahukan supaya pendidikan tinggi ini mempunyai rohnya sehingga menarik minat para akademik, industri daripada luar dan dalam negara, pesaing USIM dan para pelajar untuk merasai apa yang dialami oleh warga USIM, dengan kata lain, kita ingin memberikan mereka pengalaman terindah ataupun *the best or the sweetest experience*" katanya.

Di dalam merealisasikan budaya dan tekad yang tinggi iaitu Tekad Terbilang, beliau juga telah mengumumkan 19 aktiviti rangsangan bagi tahun 2011 dan menyeru kepada seluruh warga USIM supaya berusaha keras seterusnya mengangkat USIM sebagai sebuah organisasi yang terbilang.

# Tuanku Aishah Rohani Canselor ke-2 USIM

Oleh: Khairul Azizi Elias



**U**niversiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyaksikan lakaran sejarah tercipta pada Majlis Konvokesyen kesembilan pada 3 Disember 2011 yang lalu dengan berlangsungnya Istiadat Pemasyhuran Canselor yang baru sebagai Canselor kedua USIM, Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud. Turut berangkat ke Majlis ini, Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir

Majlis Kovokesyen kali ini dimulai dengan Istiadat Pemasyhuran Canselor USIM, Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud. Perisytiharan pelantikan Canselor diumumkan oleh Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM mewakili Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi.

Baginda bertitah di dalam ucapannya, sistem pendidikan berteraskan ilmu Islam merupakan pemangkin kepada umat Islam terutamanya yang berada di rantau Asia Tengah. Jaringan hubungan luar bersama negara Islam lain perlu diperkuuhkan supaya hasrat dan cita-cita tersebut terlaksana.

"Setelah lebih 10 tahun universiti ini membangun, ia telah menjadi salah satu

institusi Islam yang disegani di rantau ini kerana graduan USIM bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah dalam bidang kokurikulum.

"Kecemerlangan dalam bidang seperti perbahasan, kesenian dan kebudayaan Islam, sukan dan juga hubungan antarabangsa adalah satu tanda ukur bahawa USIM mampu mengorak langkah lebih maju ke hadapan dalam merealisasikan dasar pendidikan tinggi negara."

"Malahan, cendekiawan yang diasah oleh USIM juga mampu mengorak langkah ke peringkat global dan memperkenalkan pendidikan tinggi berdasarkan ilmu naqli dan ilmu aqli," titahnya.

Konvokesyen pada kali ini menyaksikan seramai 1,196 orang graduan berjaya dianugerahkan ijazah di dalam bidang masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian. Dalam pada itu, seluruh warga USIM menjadi saksi lahirnya kumpulan graduan pertama seramai 29 orang daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) yang telah melengkapkan pengajian bagi Program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri (MBBS) dan juga graduan dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama bagi Program Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) Dengan Kepujian seramai 72 orang. USIM turut berbangga kerana Majlis Konvokesyen pada kali ini turut mengiktiraf dan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada bekas Ketua Hakim Negara iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Hamid Haji Mohamad.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam, Mohd Shahrul Faizie Bin Zaini telah dipilih sebagai Penerima Anugerah Pelajaran Diraja Pingat Jaya Cemerlang. Anak kedua dari lima orang adik beradik ini menyatakan bahawa kejayaan yang dicapai ini adalah hasil

dorongan isteri, Noorsyuhada Mohamed Salleh, ibu, Noriza Othman, keluarga dan tenaga akademik di USIM yang tidak jemu-jemu memberi galakkan serta semangat.

"Walaupun ada yang berkata bahawa sukar untuk membahagikan masa untuk belajar apabila sudah berkahwin, ia tidak akan berlaku selagi kita ikhlas dan komited terhadap sesuatu perkara," tambah Shahrul yang juga merupakan wartawan penyiaran dan pengacara di Stesen TV ALHIJRAH.

Dalam pada itu, Muhamad Firdaus Ab. Rahman graduan Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa turut menerima anugerah yang sama.

Beliau yang kini menyambung pelajaran di peringkat Sarjana dalam bidang Syariah di Universiti Malaya menegaskan bahawa graduan pengajian agama juga mampu bersaing dalam arus pembangunan negara.

"Saya merupakan anak kesembilan daripada 11 beradik dan hanya saya seorang memilih bidang pengajian agama. Alhamdulillah, berkat sokongan daripada ibu bapa dan keluarga, saya berjaya menamatkan pengajian ini dengan cemerlang," katanya.

Kedua-dua mereka menerima watikah, medal Pingat Jaya Cemerlang serta wang tunai RM5,000 yang disampaikan oleh Canselor USIM, Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud.

Sementara itu, Anugerah Canselor diberikan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Ummi Farhana Omar, manakala penerima anugerah Pingat Emas Naib Canselor pula diterima graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian al-Quran dan Sunnah, Mohd. Ashrafulnizam Abdul Wahab.

# Konvoi USIM Ke





# Kesyen SIM e.9



# Staff Profile:

## Y. Bhg. Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah

By Hisham M. Taky Eldin Kandil



I was attending the Induction Course a year ago which has a number of slots helmed by various academic and administrative personalities of USIM that deal with different topics of the course syllabus. The speaker for one of the course slots, namely the policies of the government, was to be the Dean of the Faculty of Economics & Muamalat, Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah. I anticipated a long and dreary two-hour session of one way communication with information to be spoon fed down our throats, but what ensued was anything but that. Prof. Mustafa's approach to the rather wordy course content of his slot was a practical one with plenty of examples from everyday life, including interesting anecdotes of him in various situations. A few of these anecdotes were from his several visits to Japan, a country which he seems to have the utmost admiration and respect for despite the fact that he attended graduate schools in Australia and the United States.

Today, Prof. Mustafa is the Dean of the Center for Research and Innovation at USIM. In the several paragraphs that follow this, I will briefly try to shed some light on this academician's journey from childhood to the present time.

### Education & Early Career

Born in Penang in 1956, Hajah Mustafa's childhood and school days were spent in Kedah and Perak. He attended Tuanku Abdul Malik government primary school in Kulim, Kedah, followed by the Anglo-Chinese secondary school in Ipoh, Perak, where he was both the class monitor and a school prefect when he was in Form Five. Hajah Mustafa began his tertiary education at Ungku Omar Polytechnic of Ipoh, Perak, from where he obtained a Diploma in Accounting. That same year, 1979, he began working as an accounts trainee at Dunlop Malaysian Industries Bhd., but the following year he decided to join the public sector as a junior registration officer in the Registrar of Companies (ROC) at the Ministry of Trade and Industries. He worked at ROC for about a couple of years before deciding to get a university degree, and so he enrolled into the National University of Malaysia (UKM) and majored, once again, in accounting. In 1985 he graduated from UKM with an honors Bachelor's degree.

This bachelor's degree in accounting paved the way for him to secure a job as a trainee officer at Bank Bumiputra Bhd., however he did not last long at the bank because, apparently, his heart was in academia. The young Mustafa applied to be a tutor at the

Northern University of Malaysia (UUM) in 1986, and he was accepted, thus began his career in the academic world. A year later he was sent to the University of Wollongong in Australia's New South Wales to do his Master's in accounting. In 1988 he returned to UUM with the Master's degree in hand and resumed teaching at the university's School of Management & Accounting, but this time as a lecturer.

A few years later it was time again to do higher studies, and this time around he travelled far and settled into a doctorate program that involved doing coursework at the University of Memphis, Tennessee, in the southern part of the United States. Having finished his Ph. D studies in 1997, Dr. Mustafa became an Associate Professor of Accounting at UUM, a post he held for 10 years.

### Moving south from Kedah to join USIM

In 2007, Assoc. Prof. Dr. Mustafa Hanefah had to make a big decision for himself and his family by moving south from UUM's Kedah campus to Negeri Sembilan to become a Professor of Accounting and Taxation at USIM at its Nilai campus. Prof. Mustafa recalls the difficulty of this relocation for his children, some of whom had become attached to their schools and friends up north. But as they say, change is good. Arriving south, he and his family found the Nilai area quite different from what they were used to in Kedah. However, not everything was strange to him because the Bangi township, which isn't that far from Nilai and which he was familiar with due to the fact that his undergraduate years were spent there while attending UKM, beckoned in a nostalgic sense and so he opted to live in a house in Bandar Baru Bangi and commute to and from Nilai on a daily basis.

During his post as the Dean of Economics & Muamalat, the brand new FEM building had just been built and was ready for occupation. In mid-2009 the staff of FEM, along with the staff of the Center for General Studies or PPU (later renamed the Center for Core Studies or PPT) moved from their temporary offices at the Faculty of Leadership & Management (FKP) building to their new headquarters. Prof. Mustafa must have found that his office, located on the top floor of the new FEM building, commanded an aesthetic view overlooking FEM's ornate courtyard garden with an extensive view of the forest and lake that stretched beyond the FEM building towards the Nilai Springs Golf & Country Club and the new Nilai Springs Hotel.

As an academician, Prof. Mustafa has a remarkable record in teaching, supervision, publication, research, and consultancy. He has taught both undergraduate and graduate students mainly in the fields of accounting, taxation and zakat. He has also supervised numerous Ph.D, Master's and undergraduate theses. In addition, he has served as an external examiner for a number of Ph.D and Master's degree candidates at various universities, and moreover, he was an external assessor for a number of university staff who were seeking academic promotions.

Prof. Mustafa has written more than 15 research studies, some of which were completed with grants from the FRGS and IRPA research schemes. His published works include textbooks, chapters in books, conference proceedings and articles in journals, including the International Journal of Critical Accounting, International Business Research Journal, and the Journal of the Japanese Association for International Accounting Studies.

He has been invited to speak at a multitude of economics conferences and seminars, such as the International Accounting Forum, which was organized by Nagoya University of Japan in July 2009 and the 19th Annual Meeting of the Japanese Association for International Accounting Studies back in August 2002. He was also a visiting professor for one semester at Nagoya University this year.

### Consultancy, Awards & Professional Memberships

Prof. Mustafa's consultancy activities have gotten him involved with diverse establishments such as Kraftangan Malaysia Bhd., Kuala Lumpur General Hospital, and the Malaysian Bank for Development and Infrastructure. As for awards, he has won a number of awards, mainly at UUM and USIM, the latest of which being the Vice-Chancellor's quality award to FEM in 2009. Over the years, Prof. Mustafa has held different posts at a diverse number of professional bodies. For example, he is a member of the Chartered Tax Institute of Malaysia, and he was vice president of the Malaysian Accounting Association among other posts and responsibilities.

It has been a fruitful academic journey so far for Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah, and it looks like this journey is set to continue as USIM matures into a full-fledged university and as Prof. Mustafa slowly approaches retirement.

# Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa Realisasikan Generasi Al-Abrar

Oleh: Wan Nor Zadilah Wan Mohamad, Suhaila Said, Norashikin Awaluddin, Norhafizah Arshad, Suliza Kasno & Ummu Majidah Sururi



**T**ransforming people from good leader to great leader, itulah saranan Yang Berbahagia Datuk Ab Rahim Md. Noor, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi ketika majlis pelancaran Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa (PTKM) yang telah diadakan di Galeri Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 19 Oktober yang lalu.

Menurut beliau, proses membina personaliti unggul memerlukan usaha dan komitmen yang besar dalam pembangunan kompetensi dan kepimpinan mahasiswa selain mewujudkan gerak kerja secara berkolaboratif bersama pihak luar.

*Winning heart and mind*, itu antara penegasan yang turut beliau ketengahkan. Tambah beliau, minda dan hati mahasiswa perlu dimenangi terlebih dahulu bagi melakukan transformasi. Beliau juga menzahirkan harapan agar program kesedaran USIM dapat membuka minda mahasiswa agar lebih cenderung dalam kehidupan bermasyarakat.

PTKM merupakan salah satu Projek Rangsangan 2011 yang telah dicetuskan oleh Naib Canselor USIM dan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) USIM. Seramai 100 orang peserta telah dipilih untuk menyertai program ini.

Antara objektif utama yang ingin direalisasikan melalui program ini adalah untuk membuka perspektif peserta kepada elemen-elemen sokongan yang berkaitan dengan kepimpinan, meluaskan pemikiran peserta agar berpandangan jauh ke hadapan dan membentuk sifat-sifat al-Abrar atau berbakti dalam diri peserta.

Tiga elemen sokongan yang telah diketetahuan melalui program ini adalah elemen kesedaran khidmat sosial, kesedaran pemuliharaan alam sekitar dan kesedaran kepenggunaan.

Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhammad Muda dalam ucapan beliau berkata, aspek transformasi diri yang diutarakan dalam program berilmiah ini dilihat mampu menjadi salah satu platform ke arah pembangunan pembinaan diri mahasiswa.

PTKM adalah bertepatan dengan USIM KRA 1 iaitu ke arah membentuk dan melahirkan graduan holistik dan berdaya gaji tinggi.

USIM bukan sahaja menitikberatkan kemajuan pembangunan universiti semata-mata bahkan turut menekankan aspek pembinaan jati diri mahasiswa itu sendiri. Empat bidang utama yang boleh diceburi mahasiswa untuk membina satu anjakan transformasi diri adalah meliputi bidang kesukanan, kebudayaan dan kesenian, kesukarelawanan dan khidmat sosial serta bidang politik dan alam sekitar.

Menurut NC lagi, GISO (*Global Islamic Students Outreach*) merupakan salah satu inisiatif awal pihak universiti untuk merealisasikan harapan ke arah membentuk modal insan yang berkredibiliti. Sebanyak 14 program dibawah GISO yang telah dijalankan di sembilan buah negara yang dilihat sebagai salah satu usaha jitu pihak universiti bagi memastikan transformasi ini berjaya dibentuk dalam kalangan mahasiswa.

Melalui PTKM, USIM telah mengorak langkah awal dengan menghantar sebahagian pelajar ke Sungai Temiang pada 16 dan 19 Oktober yang lalu untuk diberi pendedahan mengenai pemuliharaan sungai. Mahasiswa telah diperkenalkan dengan satu teknologi baru dalam proses pembersihan dan penjernihan air sungai iaitu bebola lumpur yang dikenali sebagai EM Mudballs. Menerusi aktiviti ini, para peserta berpeluang membuat sendiri EM Mudballs dan melontarkannya ke Sungai Temiang.

En. Nordin Yunus, Penolong Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan (JPSNS) menegaskan bahawa masyarakat perlulah berfikiran lebih

progresif dan bertindak dengan lebih awal atas segala kemungkinan yang akan berlaku pada masa depan terutamanya dalam aspek penjagaan alam sekitar.

Pada hari yang sama, para peserta juga telah dibawa ke Teluk Kemang, Port Dickson untuk melestarikan aktiviti pembersihan pesisir pantai yang merupakan salah satu daya tarikan menarik di Negeri Sembilan. "USIM adalah IPTA terawal mengambil inisiatif bijak melalui kolaborasi bersama JPSNS dalam usaha membersihkan kawasan pantai," ujar En Jefri Mohd Hassan, Juruteknik Kanan Port Dickson.



# USIM, Utusan Anjur Pesta Konvo



**U**niversiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Kumpulan Utusan buat julung kalinya bekerjasama menganjurkan Pesta Konvokesyen USIM Kesembilan yang diadakan di universiti berkenaan di Nilai dekat sini dari 1 hingga 4 Disember 2011.

Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhammad Muda berkata, menerusi kerjasama tersebut, program berkenaan diyakini akan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai dan sekali gus menjadikannya pesta konvo terbesar yang pernah dianjurkan oleh universiti.

"Kita mensasarkan 10,000 hingga 15,000 orang akan mengunjungi pesta yang menyediakan pelbagai aktiviti serta pengisian menarik yang dirangka oleh USIM dan Kumpulan Utusan.

"Kami yakin dengan publisiti yang diberikan oleh Kumpulan Utusan, ia akan dapat mempromosikan program ini kepada orang ramai terutama penduduk berhampiran seperti dari Nilai dan Bangi untuk berkunjung ke pesta empat hari itu," katanya.

Muhammad berkata demikian pada Majlis Prapelancaran Pesta Konvokesyen itu di bangunan Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM di sini hari ini.

Turut hadir, Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan, Datuk Mohd Zaini Hassan dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah.

Menurut Muhammad, aktiviti menarik yang akan dijalankan sepanjang pesta tersebut termasuk pameran kereta, karnival

kerja, pertandingan nasyid, futsal, mewarna serta bola jaring yang turut menawarkan hadiah wang tunai.

"Bagi memeriahkan lagi sambutan pesta tersebut, sebanyak 140 gerai jualan akan dibuka kepada para pengunjung. Lebih menarik pesta ini turut menyaksikan Kumpulan Utusan menganjurkan konsert Pancaindera, pertandingan memancing dan karaoke," katanya.

Sementara itu, Zaini dalam ucapannya berkata, cabaran untuk menjayakan program itu akan digalas sebaik mungkin oleh warga Kumpulan Utusan.

"Saya akan pastikan rakan-rakan bekerja keras dalam memastikan kelancaran serta kejayaan pesta konvokesyen ini," katanya.



# One Day Community Care Serlahkan Keperihatinan Pelajar USIM

Universiti Sains Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menganjurkan program *One Day Community Care* bertempat di Taman Sinar Harapan Tuanku Najihah Seremban, Negeri Sembilan pada 16 April 2011 yang lalu. Program ini merupakan satu tanggungjawab sosial atau *Corporate Services Responsibility* bagi USIM dalam melestarikan nilai-nilai murni dan perasaan keperihatinan yang tinggi dikalangan pelajar USIM terutamanya terhadap insan istimewa yang kurang keupayaan diri seperti OKU. Program ini adalah salah satu program yang disusun dalam kalendar seni budaya oleh Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia dengan melibatkan Urusetia Kesenian Pelajar sebagai peserta program *One Day Community Care*.

ialah isu pembuangan bayi dan juga kes penderaan kanak-kanak antaranya OKU. Apa yang paling menyediakan apabila masyarakat mula menudung jari dan meletakkan kesalahannya tersebut kepada orang lain atau entiti kerajaan sedangkan masyarakat sepatutnya bersama-sama bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran menjadi lebih selamat dengan saling tegur-menegur, nasihat-menasihati dan sikap perihatin menjadi budaya yang sepatutnya kita amalkan bersama.

Justeru, penglibatan Urus Setia Kesenian Pelajar USIM dalam program *One Day Community Care* diharap mampu melahirkan pelajar yang mempunyai mentaliti kelas pertama. Beliau turut menambah semoga pengalaman yang diperolehi berupaya menyedarkan pelajar USIM yang bakal menjadi pemimpin untuk berterusan

kedua *One Pocket Motivation*, pelajar memberi tumpuan dalam kelompok kecil dengan menggunakan pendekatan unik dan kreatif iaitu melalui elemen kesenian. Antaranya pelajar akan berkongsi maksud dan nilai jati diri yang terdapat dalam pengucapan selawat dan lagu patriotik. Segmen *One Arts Therapy* merupakan segmen paling menarik dengan manifestasi seni budaya kebangsaan dengan gagasan 1 Malaysia diterapkan kepada anak-anak istimewa tersebut.

*One Day Community Care* telah dirasmikan oleh Encik Nasrul Hakim Ahmad Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. Mengulas lebih lanjut Encik Nasrul Hakim Ahmad menzahirkan kesyukuran diatas potensi yang ditunjukkan oleh pelajar USIM yang dilihat mampu



Idea melaksanakan program ini lahir kerana masyarakat kita hari ini seolah semakin lupa akan tanggungjawab sosial yang sepatutnya dipikul bersama dalam memastikan perancangan kerajaan ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 tercapai. Menurut Encik Ismail Ahmed, Pegawai Kebudayaan USIM, soal kebijakan dan kurangnya keperihatinan masyarakat antara satu sama lain seperti menjadi budaya semasa sehingga situasi ini juga berlaku dalam kehidupan seharian dalam sesebuah keluarga. Gejala negatif ini akhirnya memperlihatkan kesan dan tempias kesibukan tersebut dalam arus kemodenan dengan pelbagai isu sosial yang semakin ketara. Antara isu yang sering hangat diperkatakan

berkhidmat kepada masyarakat apabila tamat pengajian kelak. Program ini telah disertai oleh Urus Setia Kesenian Pelajar USIM seramai 50 orang pelajar USIM dan seramai 37 anak-anak istimewa dari Taman Sinar Harapan Tuanku Najihah. Menurut Pengurus Urus Setia Kesenian Pelajar USIM Saudara Mohd Akmal Razali, program *One Day Community Care* mempunyai daya menarik tersendiri yang diserapkan dan terbahagi kepada tiga segmen utama iaitu *One Personal Touch* yang memberi peluang kepada pelajar dan mentee (OKU) bersama secara personal sepanjang sesi tersebut berlangsung. Pelajar diberi peluang membantu tugas sehari-anak-anak istimewa secara individu dalam segmen ini. Segmen

menjadi pemimpin masa depan yang serba boleh dan menyumbang kepada masyarakat. Beliau turut mengucapkan terima kasih Pengurusan Taman Sinar Harapan Tuanku Najihah dan khususnya kepada pengurusan tertinggi universiti kerana sentiasa memberi sokongan padu hingga mampu memotivasi Urus Setia Kesenian Pelajar USIM mencapai kecemerlangan di pelbagai peringkat aktiviti sama ada di dalam dan di luar universiti. Kata beliau lagi program *One Day Community Care* akan menjadi agenda berterusan di masa akan datang.

# USIM Universiti Pertama Terbitkan Album Lagu Patriotik

Oleh: Khairul Azizi Elias



**S**etelah 3 tahun Program Festival Cipta Lagu Patriotik ( CIPTA ) diadakan bermula pada tahun 2008, 2009 dan terbaru pada tahun 2010, hasil karya seni muzik ini akhirnya diabadikan dengan penerbitan sebuah Album Cipta Lagu-Lagu Inovasi Karya Seni dan seterusnya menjadikan Universiti Sains Islam Malaysia universiti pertama seumpamanya yang menghasilkan album lagu berjiwa patriotik.

Melalui kolaborasi di antara pelajar USIM dan penghuni penjara di dalam penghasilan inovasi karya seni sebegini, ianya dapat mewujudkan persekitaran yang menggalakkan inovasi di kalangan mahasiswa dan boleh mencetuskan fenomena yang sihat untuk memacu ke arah peningkatan sainsah dan kemahiran insaniah yang tinggi nilainya.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Hou Kok Chung berkata kolaborasi antara mahasiswa dan penghuni penjara dalam menghasilkan album ini amat dibanggakan dan wajar mendapat perhatian umum.

Kata beliau "Program CIPTA berupaya mendekatkan mahasiswa dengan

segolongan masyarakat yang telah tersasar daripada kehidupan mereka dan mahasiswa juga perlu menjadi contoh dan teladan terbaik kepada penghuni penjara yang memerlukan sokongan dan dorongan untuk kembali ke pangkal jalan."

Tambah beliau lagi "Melalui penglibatan mahasiswa di dalam aktiviti-aktiviti sebegini, ianya membuktikan bahawa mahasiswa datang ke universiti bukan sekadar untuk mendapatkan segulung ijazah tetapi juga dapat menyumbangkan sesuatu yang baik kepada masyarakat dan juga meningkatkan kemahiran insaniah di kalangan mahasiswa itu sendiri".

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Pelancaran Album CIPTA di Istana Budaya pada 23 Februari 2011 yang lalu. Hadir sama, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop; Ketua Pengarah Penjara, Datuk Wira Zulkifli Omar dan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda.

Dalam pada itu, Datuk Wira Abu Seman Yusop berkata Jabatan Penjara Malaysia sentiasa terbuka dalam

mempelbagaikan kaedah pemulihan termasuklah membuka pintu penjara kepada masyarakat dan organisasi untuk turut sama membantu mereka.

Beliau turut mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan USIM kerana menggalakkan mahasiswa melakukan khidmat sosial.

Sebanyak enam lagu terbaik ciptaan mahasiswa dan penghuni penjara daripada pertandingan CIPTA 2008 hingga 2010 telah disatukan di bawah album CIPTA - Inovasi Karya Seni yang melibatkan barisan artis dan komposer tanah air seperti Adibah Noor, Siso, Andy Flop Poppy, Roy, Fauzi Marzuki dan juga Pelajar USIM sendiri.

Album tersebut dijual pada harga RM16.90 dan bagi yang berminat boleh mendapatkannya di USIM dan di Jabatan Penjara Malaysia.

# Xplore USIM 2011 Meriah

Oleh: Khairul Azizi Elias



Buat julung kalinya, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan hari terbuka universiti atau dikenali sebagai Karnival Eksplorasi USIM 2011 "Simply Inspiring". Bertempat di kampus induk, Nilai, Negeri Sembilan, Karnival yang bermula pada 4 sehingga 6 Mac lalu mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada sekolah-sekolah di sekitar Negeri Sembilan dan Lembah Klang serta dari beberapa buah negeri seperti Kelantan dan Terengganu. Tidak ketinggalan juga sambutan daripada masyarakat setempat yang turut hadir memeriahkan lagi karnival ini.

Penganjuran program ini dirasakan perlu setelah USIM melangkah ke satu dekad dalam mempergiatkan usaha untuk memperkenalkan Institusi ini dengan lebih dekat di mata masyarakat dengan beberapa pendekatan yang lebih mesra. Sesuai dengan nama yang diberikan kepada program ini iaitu Karnival Eksplorasi kerana Eksplorasi itu sendiri membawa maksud penjelajahan kelapangan untuk memperoleh sesuatu. Dengan kata lain, kita memberikan peluang kepada para pengunjung

untuk menyelami serta mendalami apa yang terdapat di USIM dengan lebih dekat dan mesra.

Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk menarik minat, menyediakan peluang dan menggalakkan penyertaan orang ramai, khususnya bakal pelajar dari peringkat sekolah untuk mengetahui peluang kerjaya dan aktiviti yang boleh diketengahkan melalui pencapaian bakat dan kemahiran disamping untuk menanam serta memupuk kesedaran secara mendalam kepada pelajar berpotensi serta ahli keluarga mereka terhadap terhadap nilai positif dan komitmen yang cuba diterapkan dalam membina ciri modal insan yang berkebolehan selain pencapaian akademik yang diperlukan.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan sepanjang tiga hari program berlangsung. Antaranya, pameran dan taklimat di setiap fakulti, pameran pasukan beruniform, persembahan pelajar, Kempen Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan, gerai jualan, pertandingan sukan, pertandingan fotografi

pertandingan Explore Race, tayangan video dan banyak lagi. Kesemua aktiviti dan acara ini melibatkan keseluruhan fakulti dan juga jabatan serta pusat. Karnival ini juga turut diserikan dengan Majlis Pengisytiharan Kompleks Sukan Tunku Najihah di mana telah disempurnakan oleh Yang Maha Mulia, Tunku Ampuan Najihah Binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin pada hari Sabtu, 5 Mac 2011.

Melalui penganjuran program ini, diharapkan dapat menjalinkan ikatan perpaduan, memperluaskan pergaulan dan memupuk interaksi yang sihat di kalangan warga USIM dan masyarakat, luar serta mempromosikan USIM sebagai destinasi pengajian yang unik bagi menyuntik semangat kepada pelajar yang berkunjung untuk belajar bersungguh-sungguh dan seterusnya menyimpan cita-cita untuk melanjutkan pelajaran universiti. Kesannya, iaanya dapat memberikan pendedahan kepada para pengunjung khususnya, para pelajar sekolah tentang alam universiti serta memberi gambaran jelas kepada misi mereka dalam pelajaran.







ORE  
SIM  
011

# KEPIMPINAN ISLAM TERAS ASPIRASI MPP USIM 2011

Oleh: Khairul Azizi Elias



**B**erlandaskan Islam sebagai teras kepimpinan , MPP USIM pada sesi kali ini bertekad untuk "Merintis Kepimpinan Mahasiswa Yang Berintelektual, Inovatif Dan Kompetitif Dalam Merealisasikan Hasrat Universiti Secara Holistik di Arena Global" sebagai visi barisan kepimpinan pelajar tersebut pada sesi kali ini.

Di dalam ucapan dasar Yang Dipertua MPP USIM bagi sesi 2011, saudara Ibrahim Hussin Ibrahim bin Hussin berkata, sebagai satu-satunya Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berteraskan dan memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara, MPP USIM berjanji akan menjadikan Islam sebagai aspirasi utama selaras hasrat dan impian Dato' Naib Canselor yang meletakkan Islam sebagai teras pentadbiran universiti.

"Tidak ada jalan pintas untuk mengembalikan kecemerlangan Islam melainkan umat Islam sendiri yang mengembalikan keunggulan sahsiah mahasiswa yang hilang, yang akan menaungi kembali maruah umat Islam" kata Ibrahim sewaktu menyampaikan ucapan dasar Yang Dipertua sempena Majlis Penyampaian Watikah MPP USIM sesi 2011 baru-baru ini. Menurut Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM di dalam ucapannya, umat Islam pada hari ini sudah jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang dan kita adalah pemula dan penggerak dalam usaha untuk memartabatkan kembali keagungan Islam.

"Kita adalah pejuang, pejuang yang memperjuangkan kesejahteraan umat Islam" tambah beliau lagi. Berpaksikan kepada slogan "Smart, Responsible, Competitive", MPP USIM bagi 2011 telah menggariskan empat misi utama dalam menterjemahkan teras kepimpinan mereka. Misi tersebut meliputi kebersamaan dalam meneraju kepimpinan, pemantapan ilmu dan keunggulan sahsiah, prihatin kebijakan mahasiswa serta budaya inovasi dan pengantarabangsaan.

Pada pemilihan MPP baru-baru ini, sebanyak 24 kerusi dipertandingkan menyaksikan seramai 13 calon bertanding untuk merebut lapan kerusi kawasan umum manakala 17 calon bertanding untuk merebut 16 kerusi kawasan fakulti. Seramai 4920 pelajar yang layak mengundi pada tahun ini dengan mengambil kira keseluruhan pelajar prasiswazah dan pelajar siswazah. Keseluruhan pelajar turun mengundi adalah seramai 4349 menjadikan peratusan mengundi pada tahun ini sebanyak 88.39%.



# USIM Sediakan Zon Belajar Dengan Wifi Untuk Mahasiswa



**U**niversiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil langkah proaktif untuk menambah kemudahan bagi penuntutnya dengan mewujudkan Zon Belajar 24 Jam yang dilengkapi dengan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar (WiFi) di kampusnya di Nilai pada 23 Disember 2011 yang lalu.

Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda berkata, zon terletak di Pusat Komersial USIM itu diwujudkan bagi memudahkan penuntut mengulang kaji pelajaran dengan kemudahan Internet berkelajuan tinggi.

"Ruang khas atau Zon Belajar 24 Jam ini merupakan cadangan sekumpulan penuntut yang mengikuti Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) USIM.

"Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada penuntut yang memberi cadangan bernes seperti ini dan kami amat mengaluh-alukan sebarang idea baik yang mampu dimanfaatkan seluruh mahasiswa khususnya ke arah meningkatkan kecemerlangan akademik," katanya pada majlis pelancaran zon tersebut baru-baru ini.

Jelasnya, zon berkenaan yang mampu memuatkan 60 penuntut pada satu masa mula beroperasi pada 4 November lalu.

Beliau juga memberitahu kapisiti kelajuan wifi akan ditingkatkan dari 48 megabit sesaat (Mbps) pada waktu ini kepada 100 Mbps.

"Pada masa akan datang menerusi peruntukan yang ada, pihak universiti akan menambah bilangan kerusi dan meja serta mewujudkan kios makanan dan minuman ringan bagi memudahkan mahasiswa mengulang kaji pelajaran mereka di sini," ujarnya.

Inisiatif tersebut berjaya dilaksanakan setelah beberapa siri perbincangan dijalankan melibatkan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF), Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS), Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Pengajian Prasiswazah (BPPS) serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).



# Undergraduate Excellence Awards 2010

By: Khairul Azizi Elias



**B**andar Baru Nilai, February 9, 2011—The Third Annual Undergraduate Excellence Awards (AKSIS) ceremony was held at the Main Lecture Hall of the Faculty of Qur'anic and Sunnah Studies at the Islamic Science University of Malaysia (USIM). This ceremony recognizes the achievements and contributions of USIM's outstanding students in both the academic and non academic spheres.

In tandem with USIM's determination, as is stated in USIM's Key Results Area (USIMKRA1), to produce holistic graduates who would be able to obtain high salaries once they started work, this symbolic ceremony sought to express appreciation to those students who have done their utmost to excel in academics as well as in othercurriculum areas, in addition to having advanced soft skills.

As was the case in previous years, 10 awards from 15 categories were given out to students, groups of students, teams, and student bodies who were nominated based on the merit system. These awards included the Excellence in Leadership Award, the Welfare Contributions Award, the Excellence in Sports Award, the Excellence in Arts Award, the Excellence in Entrepreneurship Award, and a number of other awards. The ceremony, which was organized by the Student Affairs Division of USIM, had Dato' Abdul Hamid Mohd. Ali, Director of Operations at Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB), as the distinguished guest of honor.

In his speech, Dato' Abdul Hamid said that the recipients of awards should be role models to the other students in the university because of their outstanding effort and commitment in using the opportunities available to them in order to gain knowledge and increase their soft skills capabilities during their undergraduate years.

He added that through the memorandum of understanding (MoU) that was signed between the university and MAHB on June 14, 2006, a door of opportunity was opened for USIM's students as a group of undergraduates, named the little ambassadors, were stationed at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) to help Arabic-speaking tourists arriving from the Middle East to deal with immigration formalities. The positive interaction between these little ambassadors and the tourists helped give a positive first image of Malaysia and MAHB to the tourists.

In addition, this interaction also gave the undergraduates confidence and added to their marketability as new entrants to the world of jobs. According to Br. Mohd Faiz Ahmad @ Abdullah, the winner of the Excellence in Leadership Award in the individual management category, this kind of ceremony should continue to be held annually because it recognizes and appreciates those students who, indirectly, have become launching stones for other students to follow suit in achieving excellence in various domains.

He added that after four years of being a student at USIM, he gained a lot of experience and learned many skills especially in the area of management and communication. Therefore, he urged other students, become active in various programs and activities on campus. Participate with all your heart because these activities provide benefits that are really useful for the students in the future after they graduate. Br. Mohd. Faiz is currently doing his industrial training at an auditing firm in Kuala Lumpur.



## تسجيل الدفعـة الأولى من مجموعة PPG بكلية دراسات اللغات الرئيسـة بـUSIM

بدأ تسجيل الدفعـة الأولى من مجموعة PPG بكلية دراسات اللغات الرئيسـة بـUSIM وتـضـمن 293 طالـباً وطالـبات وهم تحت رعاية شـعبـة تعـلـيم المـعلم (BPG)، بـوزـارـة التـربية والـتعلـيم لـبرـنـامـج تـخـرـيج المـعلـمين.

قال عمـيد كلـيـة درـاسـات الـلغـات الرئـيسـة (FPBU) الأـسـتـاذ المـشارـك الدـكتـور باـشا أبوـبـكر، إنـهـذه الدـفعـة هيـالـدفعـة الأولى لـبرـنـامـج PPG الذيـيـخـصـصـلـلـمـعـلـمـينـالـذـيـنـلـيـسـتـلـدـيـهـمـالـشـهـادـاتـالـجـامـعـيـةـالـأـوـلـىـ.

"ـهـذـهـ الدـفعـةـ لـلـبـكـالـورـيوـسـ فـيـ التـرـيـةـ (ـالـتـرـيـةـ الـإـسـلامـيـةـ لـلـمـدـارـسـ الـثـانـوـيـةـ)ـ مـعـ مـرـتـبـةـ الشـرـفـ،ـ وـالـبـكـالـورـيوـسـ فـيـ التـرـيـةـ (ـالـتـرـيـةـ الـإـسـلامـيـةـ لـلـمـدـارـسـ الـابـدـائـيـةـ)ـ مـعـ مـرـتـبـةـ الشـرـفـ".ـ

وـأـضـافـ قـائـلاـ:ـ "ـسـيـقـومـ الطـلـابـ فـيـ عـمـلـيـةـ التـعـلـمـ بـاستـخدـامـ طـرـيـقـةـ التـعـلـمـ الـخـاصـةـ بـجـانـبـ اـسـتـخدـامـ بـرـنـامـجـ MyLMSـ،ـ بـوـاسـطـةـ إـنـتـرـنـتـ الـتـيـ تـمـكـنـهـمـ مـنـ الـحـصـولـ عـلـىـ الـعـلـومـ الـدـرـاسـيـةـ وـتـسـهـلـهـمـ الـاتـصـالـ وـالـمـنـاقـشـةـ مـعـ زـمـلـاهـمـ وـأـسـاتـذـهـمـ وـتـكـونـ الـخـاصـةـ لـهـمـ مـرـةـ مـرـةـ مـنـ كـلـ الـأـسـيـوعـيـنـ".ـ

وـبـدـأـتـ عـمـلـيـةـ التـسـجـيلـ فـيـ السـاعـةـ 8:30ـ صـبـاحـاـ فـيـ صـالـةـ مـكـتبـةـ الجـامـعـةـ وـهـمـ مـنـ وـلـايـةـ جـوـهـورـ،ـ وـمـلـقاـ،ـ وـجـوـهـورـ،ـ وـبـيـنـانـ،ـ وـصـبـاحـ،ـ وـكـوـالـالمـبورـ وـبـوـتـراـجـاـيـاـ.

كـمـ أـقـيمـتـ الـفـعـالـيـاتـ الـمـخـتـلـفـةـ طـوـالـ فـتـرـةـ التـسـجـيلـ.ـ وـمـنـ بـيـنـهـاـ جـلـسـاتـ الـإـحـاطـةـ بـشـأنـ USIMـ،ـ إـلـاـحـاطـةـ الـأـكـادـيـمـيـةـ وـالـدـولـيـةـ مـنـ قـبـلـ نـائـبـ رـئـيـسـ الجـامـعـةـ (ـالـأـكـادـيـمـيـةـ وـالـدـولـيـةـ)ـ الأـسـتـاذـ الدـكتـورـ مـوسـىـ أـحـمـدـ وـجـلـسـةـ مـنـ قـبـلـ وـزـارـةـ التـرـيـةـ بـشـأنـ الـمـنـحةـ الـدـرـاسـيـةـ.

كـمـ قـامـ رـئـيـسـ الجـامـعـةـ الأـسـتـاذـ الدـكتـورـ مـحمدـ بـنـ مـوـداـ بـإـلـقاءـ كـلـمـتـهـ التـشـجـيعـيـةـ لـلـطـلـابـ.ـ وـشـجـعـهـمـ لـانتـهـازـ هـذـهـ فـرـصـةـ الـذـهـبـيـةـ الـمـتـاحـةـ وـاسـتـغـلـاهـمـ بـأـحـسـنـ الـطـرـقـ لـتـحـقـيقـ النـجـاحـ فـيـ الـدـرـاسـةـ حـتـىـ يـصـبـحـونـ مـرـيـنـ أـبـرـارـ يـسـاـهـمـونـ عـلـومـهـمـ فـيـ تـرـيـةـ الـجـمـعـمـ.



# Nurhakimi Johan Festival Keroncong IPTA (MAKUM) 2011

**K**eroncong Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia ( MAKUM ) peringkat IPTA yang pada 27 Februari lalu di UTHM, Johor telah mencatat sejarah buat Mohd Nurhakimi Md Yaman dari Urus Setia Kesenian Pelajar Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia kerana telah menempa kecemerlangan dan mengharumkan nama USIM apabila berjaya memenangi tempat pertama kategori solo dalam festival tersebut. Lebih manis lagi Mohd Nurhakimi turut memenangi anugerah vokal terbaik menerusi lagu dendangan keroncongnya iaitu Kerongcong Dewi Murni dan Langgam Selendang Putera.

Festival yang diadakan setiap tahun dalam kalender MAKUM ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar IPTA supaya mencintai dan menghayati irama tradisi dan menyemai semangat

Kebudayaan Kebangsaan. Terbahagi kepada dua kategori solo dan muzik berkumpulan, festival ini telah berjaya menarik minat pelajar bukan melayu menyertai kategori berkumpulan seperti yang telah dihasilkan oleh UTHM apabila mereka berjaya memenangi tempat pertama kategori tersebut.

Menurut bual bicara bersama Encik Ismail Ahmed, Pegawai Kebudayaan USIM, Urus Setia Kesenian Pelajar telah belajar untuk mencapai kecemerlangan melalui pengalaman lalu dengan memperbaiki aspek kualiti persesembahan dan mendapatkan tenaga pengajar yang berkebolehan seperti Encik Azizul Hakim Md Anuwar dari ASWARA untuk membimbing Mohd Nurhakimi.

Beliau turut bersyukur kerana kejayaan Mohd Nurhakimi yang juga ahli kumpulan Nasyid Interaksee telah

berjaya membuktikan kesungguhan dan tekad yang kuat akan memberikan hasil yang terbaik apatah lagi terpaka bersaing hebat dengan pelajar IPTA lain yang mempunyai Fakulti Seni Persembahan khususnya dalam bidang vokal.

Mohd Nurhakimi membawa pulang Hadiah Wang Tunai, Piala Pusingan dan Piala Iringan. Beliau turut menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT dan ucapan terima kasih kepada pengurusan tertinggi universiti khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar atas sokongan yang jitu dan padu telah berjaya memotivasi Urus setia Kesenian Pelajar USIM mencapai kecemerlangan di pelbagai peringkat sama ada di dalam dan di luar universiti. Semoga kejayaan membanggakan ini akan dapat diteruskan lagi dalam pertandingan seterusnya nanti. Insya-Allah.



# 5,000 Pengunjung Meriahkan iCEPS7

Oleh: Khairul Azizi Elias



Masuk tahun yang ke tujuh penganjurannya, Konvensyen Keusahawanan Islam atau lebih sinonim dengan iCEPS buat pertama kalinya diadakan di Dataran Nilai. Program selama empat hari bermula dari 6 hingga 9 oktober ini telah berjaya menarik seramai 5000 pengunjung.

Menurut saudara Zainuddin Darus, pengarah sekretariat pelajar iCEPS7, sambutan pada kali ini amat memberangsangkan memandangkan lokasi program yang begitu strategik dan merupakan tempat tumpuan umum.

"Alhamdulillah, iCEPS pada kali ini nampaknya begitu meriah sekali sehingga pengunjung yang datang berkunjung tidak putus-putus dari pagi hingga ke malam" kata Zainuddin.

Projek mega anjuran mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM dengan kerjasama dari pihak PGUK (Program Gerak Usahawan Kampus) ini merupakan program wajib tahunan dengan elemen keusahawan merupakan aktiviti utama yang dititikberatkan.

Antara aktiviti dan pengisian sepanjang program berlangsung adalah Gadget & PC Fair; aneka gerai-gerai pameran dan jualan; Larian Amal "Sayangi Jantung Kita"; Sukan Rakyat; Jom Teh Tarik; Futsal; Pameran & Pertandingan motor Vespa dan banyak lagi. Manakala kemuncak iCEPS7 pula diserikan dengan Konserto Islami; "Kembara Satu Cinta yang menampilkan kumpulan Nasyid Far East dan artis solo nasyid tanah air, Muaz.

Dalam pada itu, majlis perasmian iceps7 telah disempurnakan oleh Y.Bhg Dato'Syed Amin Al-Jeffri ahli Lembaga Pengarah Universiti, USIM. Dalam ucapannya, beliau amat menggalakkan dan mengalu-alukan para graduan dan mahasiswa universiti supaya menjelaskan kaki ke dalam bidang perniagaan seterusnya menjadi usahawan bumiputera yang berjaya.

Hadir sama pada majlis tersebut, Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM dan ahli-ahli Pengurusan Tertinggi USIM.

# FSU Pertahan Kejuaran Debat Piala Naib Canselor 2011

Oleh: Zaharah Zainal Abidin

**B**uat kali ketiga berturut-turut Fakulti Syariah dan Undang-Undang telah dinobatkan sebagai pemenang Piala Pusingan Naib Canselor di atas kejayaan pasukannya yang telah layak ke peringkat akhir dalam dua kategori iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Prof.Dr.Haji Abdul Samat Musa telah menerima Piala Pusingan daripada Naib Canselor USIM.



Bermotongan "Membina Pewaris Legasi Gemilang", Kelab Debat Universiti Sains Islam Malaysia telah menganjurkan Kejohanan Debat Piala Naib Canselor USIM 2011. Program yang dianjurkan oleh Kelab Debat USIM dengan kerjasama Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar serta fakulti-fakulti dan Pusat Tamhidi ini telah berlangsung pada 25, 26, 27 Februari dan 5 Mac 2011 yang lalu. Program ini telah berlangsung di Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Pada tahun ini juga, pihak penganjur telah meluaskan penyertaan kepada kolej-kolej kediaman untuk menghantar penyertaan. Kejohanan ini mendapat penyertaan penuh daripada lapan buah fakulti serta Pusat Tamhidi (Matrikulasi) dan empat buah kolej kediaman untuk ketigatiga kategori iaitu Kategori Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.



Dalam mencapai objektifnya untuk mencungkil bakat dan membina barisan pelapis pendebat yang mantap, Kelab Debat telah melakukan transformasi dalam konsep pelaksanaannya. Dalam kejohanan pada kali ini, Kelab Debat telah menganjurkan Kursus Intensif Debat selama sehari yang dikendalikan oleh Unit Debat Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab yang dikendalikan oleh para pendebat universiti. Pendedahan awal mengenai perdebatan serta teknik-teknik perdebatan yang betul telah diterapkan dalam kursus ini. Menurut Saudara Zulfawwaz Bin Mohmad, Pengarah Kejohanan Debat Piala Naib Canselor USIM 2011, "Kursus ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para peserta apabila dewan kursus dipenuhi oleh para peserta yang gigih dan bersemangat sekali untuk belajar dan bersaing dalam kejohanan debat ini".



"Pihak penganjur juga telah menetapkan satu syarat baru iaitu larangan kepada pendebat universiti dari menyertai kejohanan ini selari dengan matlamat utama kejohanan ini iaitu ingin mencari pelapis baru pendebat universiti untuk masa hadapan. Jadi, kita tidak risau untuk membentuk pasukan pelapis yang akan meneruskan kegembilan debat USIM ini", tambah beliau lagi.

Pertandingan Akhir Kejohanan Debat Piala Naib Canselor kategori Bahasa Melayu telah berlangsung pada 5 Mac 2011 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 4 yang turut disaksikan oleh Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM. Pihak pencadang daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) telah mengemukakan usul "Malaysia perlu lebih terbuka" dan dibangkang oleh pasukan daripada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) yang bertindak selaku pihak pembangkang. Pasukan FSU diwakili oleh Aizat Shamsuddin, Mohd Azuwa Hasan, Nur Syuhada Amer dan Ummu Hani Sulaiman. Manakala pasukan FKP diwakili oleh Nuraini Sobri, Abdul Rahman Abdul Kodir, Muhd Ariff Bashiruddin Muhd Rusli dan Siti Normuflita Mohd Shafie. Para juri majoriti telah memilih pasukan daripada FKP sebagai johan bagi kategori ini sekaligus telah menundukkan pasukan yang digeruni daripada FSU. Manakala Saudara Muhd Ariff Bashiruddin telah dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik. Johan telah membawa pulang Piala Pusingan, Piala Irlingan serta Sijil Penghargaan manakala Naib Johan membawa pulang Piala Irlingan serta Sijil Penghargaan.

Manakala bagi Pertandingan Akhir kategori Bahasa Arab telah dimenangi oleh Fakulti Syariah dan Undang-Undang menewaskan Fakulti Pengajian Bahasa Utama yang hanya bergelar Naib Johan. Manakala Kategori Bahasa Inggeris pula Fakulti Pergigian telah berjaya membuktikan kebolehannya apabila berjaya menewaskan pasukan daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Turut hadir Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Y. Bhg. Prof. Dr. Musa Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Y. Bhg. Dr. Rushdan Jailani, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

# UPKK Anjur Seminar Perancangan Kerjaya Mahasiswa 2011

Oleh: Khairul Azizi Elias



Perancangan kerjaya adalah suatu perkara penting yang perlu didedahkan kepada mahasiswa dan mahasiswi semenjak di awal pengajian supaya mereka jelas akan hala tuju kerjaya mereka kelak. Isu kebolehpasaran graduan yang hebat diperkatakan kini bukan sahaja memerlukan latihan menyeluruh untuk para pelajar tahun akhir sahaja, tetapi ia juga perlu diberi penekanan semenjak para pelajar mula memasuki alam universiti.

Menyedari hakikat itu, USIM melalui Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya (UPKK) dan Kementerian Pengajaran Tinggi (KPT) dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-universiti Awam Malaysia (MAKUMA) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program Seminar Perancangan Kerjaya Mahasiswa Peringkat Kebangsaan pada 22 Januari yang lalu bagi memberi pendedahan kepada para pelajar tahun 1 khususnya agar mereka dapat meneroka peluang-peluang dan prospek kerjaya yang bersesuaian dengan latar belakang, minat dan kemahiran yang mereka miliki. Ia merupakan program kali pertama diadakan seumpama ini yang menggabungkan pelajar-pelajar dari seluruh IPTA dan beberapa IPTS di dalam satu seminar.

Bertemakan slogan "Kenal Diri, Rancang Kerjaya", seminar ini disertai lebih 400 orang pelajar tahun satu dari seluruh IPTA dan beberapa IPTS di sekitar lembah kelang. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Sri Abu Bakar Haji Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam. Menurut beliau, isu kerjaya seringkali dikaitkan dengan mahasiswa/i tahun akhir dan agak sedikit kita dengar pendekatannya dilakukan seawal mungkin. Pendekatan yang banyak dilakukan seperti "*finishing school*" di universiti-universiti kadangkala menyebabkan penekanan kepada "*starting school*" agak kurang walaupun sebenarnya

ia turut memainkan peranan dan memberi kesan kepada kehidupan sebagai mahasiswa/i sesebuah universiti. Melalui program-program yang membantu "*setting*" minda yang berkesan sedari awal pengajian inilah mahasiswa akan lebih terfokus tentang matlamat dan hala tuju masing-masing di dalam pengajian.

"Usaha seperti ini harus dipertingkatkan dan diteruskan supaya mahasiswa/i lebih berpeluang mencungkil bakat yang ada serta mendapat lebih pengalaman dan kemahiran berkaitan kerjaya dengan masa yang lebih lama, berbanding jika usaha ini hanya ditumpukan bersungguh-sungguh ketika mahasiswa/i akan menamatkan pengajian beberapa bulan lagi. Kesan dan impak perancangan kerjaya akan menjadi kurang berkesan apabila semuanya tertumpu di saat-saat akhir yang pada ketika itu mahasiswa juga tentunya lebih sibuk untuk menghabiskan tesis, menjalani latihan industri dan bersedia untuk peperiksaan akhir" tambahnya lagi.

Antara objektif seminar ini adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar tentang kepentingan dan keperluan memperolehi kecemerlangan akademik dan ko-kurikulum dalam menyediakan diri ke dunia kerjaya disamping memberi pemahaman yang jelas tentang prospek kerjaya berdasarkan bidang pengajian masing-masing. Selain daripada itu, ianya dapat membantu meningkatkan disiplin diri agar bersikap serius dalam bidang pengajian sepanjang berada di universiti serta menimbulkan minat dan menetapkan satu "standard" bahawa pencapaian dalam bidang akademik dan kemahiran insaniah adalah penting untuk membolehkan para pelajar terpilih dalam proses temuduga dan memperolehi kerjaya yang diminta. Dengan adanya program "*starting school*" seumpama ini diharap ianya dapat membantu mereka dalam melaras minda terhadap pilihan kerjaya masa depan dan matlamat belajar yang jelas. Ini penting supaya mereka tidak terumbang-ambing dan dapat belajar dalam keadaan terancang dan bersemangat.



# Urus setia Kesenian Pelajar Naib Johan Sayembara Lagu Puisi Antara IPT 2011

Oleh: Ismail Ahmed



Pelancaran Kempen Kami Prihatin "Apakah Dosaku" menyentuh isu-isu pembuangan bayi di Malaysia bertujuan mendidik warga Malaysia agar merasai keperluan betapa pentingnya sikap masyarakat yang proaktif dalam menangani gejala negatif ini. Selari dengan matlamat itu, pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, ASTRO, Karyawan, MAKUM dan Utusan Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Sayembara Lagu Puisi Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Malaysia yang telah berlangsung di Universiti Malaysia Pahang pada 22 – 24 Januari 2011.

Sebanyak 13 IPT telah terpilih ke final yang menyaksikan Urus setia Kesenian Pelajar, Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia telah berjaya mengatasi saingan hebat IPT lain dengan merangkul Naib Johan. Lebih manis USIM telah terpilih untuk mengadakan persembahan khas pada Majlis Perasmian Pelancaran Kempen Apa Dosaku yang berlangsung pada 24 Januari 2011 di Kompleks Sukan UMP.

Hadiyah kemenangan telah disampaikan oleh Y.A. Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Y.A.B Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir mengiringi acara perasmian ialah Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Puisi yang dipertandingkan merupakan karya saudara Ahmad Faiz Ahmad, pelajar Sarjana FST manakala lagu ciptaan Ismail Ahmed, Pegawai Kebudayaan USIM. Menurut Encik Ismail Ahmed, Pegawai Kebudayaan USIM, persembahan Urus setia Kesenian Pelajar USIM sangat mengesankan dan berupaya

menyampaikan mesej dengan cemerlang. Beliau menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT dan ucapan terima kasih kepada pengurusan tertinggi universiti atas sokongan yang jitu dan padu telah berjaya memotivasi Urusetia Kesenian Pelajar USIM mengharungi cabaran yang mendatang. Semoga kejayaan membanggakan ini dapat diteruskan lagi dalam pertandingan seterusnya nanti. Insya-Allah

**“ Kempen Kami Prihatin  
“Apakah Dosaku ” menyentuh isu-  
isu pembuangan bayi di Malaysia  
bertujuan mendidik warga Malaysia  
agar merasai keperluan betapa  
pentingnya sikap masyarakat yang  
proaktif dalam menangani gejala  
negatif ini.**



# “SME-University Internship” Polishes Students’ Ability To Be Young Consultants To SMEs

By Mahdhir Abdullah

A total of 30 Final Year students of the Islamic Science University of Malaysia (USIM) proved that they were capable of giving consultation services to small and medium enterprises (SMEs) through the “SME-University Internship” a program held with the cooperation of SME Corp. Malaysia.

This program, the first of its kind to be held in USIM, is the result of cooperation between the Ministry of Trade and Industry (MITI) and the Ministry of Higher Education (MoHE). Through this program, university students offer advice and consultation services to SME companies in order to elevate their performance and to develop their business. The Chief Executive of SME Corp. Malaysia, Dato' Hafsa Hashim, said that the main objective of this cooperation is to increase the synergy of relations between the university as a center of excellence and industry in Malaysia through systematic cooperation. She added that this win-win program is not only going to help the industrial sector in elevating its performance but it also helps to increase the awareness of students regarding the entrepreneurship culture.

The “SME-University Internship” program of USIM has been held for more than four months starting from the middle of August 2010. On Saturday, February 19, 2011, a final presentation session was conducted in front of a jury from SME Corp., MoHE, SME Bank, and PUNB. This presentation session showed the ability of USIM’s students to help elevate the performance of companies with regard to sales, promotion and marketing, company accounts management, and physical organization of the company premises.

Students who took part in this program felt that it was a valuable experience being interns in these companies because they were exposed to the real activities of these companies. In addition, they managed to polish their critical thinking and problem solving skills as well as their communication and teamwork skills.



# FKP Komited Bantu Capai KRA USIM

Oleh: Fauziah Hassan



**F**akulti Kepimpinan dan Pengurusan(FKP) komited untuk membantu USIM dalam mencapai enam Bidang Keberhasilan Utama (KRA) dalam satu perbincangan di Bengkel Hala Tuju yang telah diadakan selama tiga hari bermula 27 Disember 2011 di Puteri Resort, Melaka.

Antara Enam KRA USIM yang telah disasarkan ialah membentuk dan melahirkan graduan yang holistik serta mempunyai daya gaji yang tinggi, mengamalkan sistem pentadbiran dan budaya kerja yang berintegriti dan membentuk modal insan yang inovatif.

Perbincangan KRA-USIM meliputi sasaran terhadap penggunaan My Goals secara meluas, penubuhan *Top Islamic Leadership School*, cadangan program pengajian baru dan sebagainya.

Dalam bengkel tersebut Program komunikasi, contohnya telah mengusulkan dua program baru iaitu Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu dan Sarjana Sains Komunikasi (Penyelidikan).

"Cadangan penubuhan dua program baru ini amatlah wajar dilaksanakan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan memperkenalkan Program Komunikasi sekaligus dapat menarik minat lebih ramai pelajar yang akan mendaftar," ulas Ketua Program Komunikasi, Cik Suria Hani A. Rahman.

Selain itu, Program Kaunseling juga turut mencadangkan untuk menubuhkan satu program pengajian baru di peringkat sarjana muda iaitu Sarjana Muda Kerja Sosial.

Menurut Pengarah ACREDA, Prof Madya Dr Abdul Halim Mohd Husin, program ini yang dirancang penubuhannya pada tahun ini berobjektifkan untuk melahirkan siswazah yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam menguruskan kerja-kerja sosial untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani, turut mengulas bahawa cadangan penubuhan program baru ini amat bersesuaian dan menepati USIM-KRA 2 yang mana menekankan untuk menawarkan program pengajian yang diiktiraf dan tersohor di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Bengkel tersebut juga turut membincangkan sasaran dalam setiap program di fakulti ini untuk tahun 2012 seperti aktiviti kakitangan, aktiviti pelajar, seminar dan persidangan, penyelidikan, penerbitan, aktiviti pembelajaran, khidmat masyarakat, mobiliti pelajar antarabangsa, bengkel dan sebagainya.





# Majlis Perarakan & Sambutan Maulidur Rasul 1432H Peringkat USIM



**K**etika umat lain sedang asyik menyambut "Hari Kekasih" ataupun Valentine's Day, umat Islam seluruh dunia pula sibuk mengadakan majlis sambutan "Hari Kekasih" yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun bagi memperingati hari keputeraan Nabi Muhammad SAW. USIM tidak ketinggalan menyambut Maulidur Rasul dengan mengadakan Majlis Perarakan pada 25 Februari lalu.

Perarakan yang bermula pada jam 9 pagi tersebut bermula di pusat sukan USIM, Pavillion, dan berakhir di perkarangan Stadium Tertutup Nilai pada jam 11.30 pagi. Majlis perarakan itu diketuai oleh kontinjen Pengurusan Tertinggi dan diikuti dengan kontinjen-kontinjen yang lain. Selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW turut

dialunkan sepanjang majlis perarakan berlangsung.

Pelbagai acara dan kategori telah dipertandingkan bagi memeriahkan majlis tersebut termasuklah Berzanji dan Taranum, Pakaian Seragam Terbaik, Sepanduk Tercantik, Perbarisan Terbaik dan Kontenjen Terbaik Keseluruhan. Ar-Rayyan, juara Berzanji dan Taranum kategori lelaki turut membuat persembahan di pertengahan majlis tersebut.

Dr. Mohd Radhi, ketua kontinjen Kolej Kediaman 1 berkata "saya sangat berpuas hati dengan komitmen yang diberikan oleh para pelajar Kolej Kediaman 1, walaupun masa persiapan yang diberi agak singkat namun mereka mampu buktikan kesungguhan mereka dengan menjuarai perarakan pada tahun ini". Kolej Kediaman 1 telah ditabalkan sebagai pemenang keseluruhan termasuklah memenangi acara Perbarisan Terbaik.

Pakaian Seragam terbaik telah dimenangi oleh enam kontinjen termasuklah kontinjen Jabatan Canselor yang menggayakan

selimpang berslogarkan "*We Love Rasulullah*" dengan temabewarna merah manggis dan merah jambu. Manakala kategori bagi Sepanduk Tercantik pula telah dirangkul oleh kontinjen dari Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP). Naib Canselor USIM, Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda yang turut hadir dalam majlis tersebut sempat merakamkan ucapan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perarakan Maulidur Rasul pada tahun 2011.



# Quimica Juarai Pertandingan Inovasi Pelajar USIM 2011

**S**ebanyak 65 kumpulan terdiri daripada penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), bersaing bagi merebut kejuaraan Pertandingan Inovasi Pelajar USIM 2011 yang telah diadakan pada 12-13 April yang lalu.

Pada pertandingan dua hari di universiti itu menyaksikan kumpulan Quimica dengan projek bertajuk "Multihgenic Tech" muncul pemenang hadiah utama pertandingan kategori sarjana muda.

Kemenangan itu berdasarkan kejayaan kumpulan tersebut menemui sejenis daun yang berupaya membersihkan lendir ikan jenis air tawar secara efisien dan bersih.

Ekoran itu, Quimica yang dianggotai oleh Ahmad Khusairi Embong, Muhammad Syukri Jumari, Norhazirah Mohd. Yusof, A'Attiyyah Ab. Alim dan Siti Najiha Md. Hashim layak menerima wang tunai RM500 dan sijil.

Menurut Ahmad Khsuairi yang juga merupakan ketua kumpulan Quimica, kejayaan tersebut merupakan hasil usaha gigih dan kerjasama kesemua anggota kumpulannya itu.

"Kita berjaya menemui komponen khas yang terdapat dalam daun berkenaan yang mampu diekstrak sebelum dijadikan cecair yang berupaya untuk menghapuskan lendir termasuk bau hanyir ikan."

"Buat masa ini, kajian hanya dijalankan ke atas ikan jenis air tawar dan kita mungkin melanjutkan kajian itu terhadap ikan laut," kata penuntut tahun satu jurusan Sarjana Muda Teknologi Kimia Industri, Fakulti Sains dan Teknologi (FST) itu.

Beliau menambah, kini kumpulannya dengan bantuan USIM akan mempatenkan kajian mereka sebelum dikomersialkan kepada umum.

Sementara itu, penuntut sarjana, Belal Jamal Muhiadin dari FST muncul juara melalui projek kajian 'Biopreservation of Bread with Lactic Acid Bacteria'. Kejayaan itu membolehkan Belal membawa pulang RM300 serta sijil.

“

*Kita berharap pelaksanaannya dapat merangsang penuntut untuk bergiat aktif dalam penyelidikan selaras dengan teras keempat Bidang Keberhasilan Utama USIM iaitu untuk membentuk modal insan yang inovatif.*

”

Penuntut jurusan Doktor Falsafah dari FST juga muncul juara bagi kategori Sains Sosial dengan kajian 'IslamTag: An Islamic Social Network'.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohammed Asin Dollah.

Dalam pada itu, Mohammed Asin dalam ucapan ringkasnya berkata, pertandingan itu akan dijadikan program tahunan USIM

"Kita berharap pelaksanaannya dapat merangsang penuntut untuk bergiat aktif dalam penyelidikan selaras dengan teras keempat Bidang Keberhasilan Utama USIM iaitu untuk membentuk modal insan yang inovatif.

"Ia juga selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam membantu meningkatkan kemajuan negara dan mencapai status rakyat berpendapatan tinggi," katanya.

# USIM Bantu Mangsa Gemas

Oleh: Khairul Azizi Elias

**B**erat mata yang memandang, berat lagi bahu yang memikul. Begitulah ungkapan yang dapat diterjemahkan susulan banjir yang melanda kawasan kediaman penduduk Taman Sg. Gemas, Gemas, Negeri Sembilan pada penghujung Januari yang lalu.

Prihatin terhadap kesulitan yang dialami, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diterajui oleh SISPA (Siswa Siswi Pertahanan Awam) dan Smart Team USIM dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Tampin telah melancarkan Program Gerak Bakti USIM: Pasca Banjir Gemas pada 13 Februari 2011 yang lalu bagi membantu mangsa-mangsa banjir membersihkan tempat tinggal mereka.

Misi yang melibatkan seramai 100 orang pelajar dan Kakitangan yang terdiri daripada anggota SISPA dan Smart Team USIM itu bermula sewal jam 9 pagi dengan melakukan aktiviti-aktiviti pembersihan dari rumah ke rumah. Selain itu, program ini juga turut menyediakan kaunter pemeriksaan kesihatan secara percuma berikutnya aduan penduduk setempat yang mengalami masalah kesihatan termasuklah batuk dan gatal-gatal badan.

Dalam pada itu, Adun Gemas YB. Dato' Hajah Zainab Nasir turut turun padang untuk menyertai program tersebut. Beliau berkata, mangsa-mangsa masih dalam keadaan trauma dengan kejadian tersebut kerana hampir 80 peratus harta benda mereka musnah dan sekaligus mencatatkan banjir terburuk selepas tahun 2006. Tambah beliau lagi, "Saya amat terharu dan merakamkan jutaan terima kasih pada pihak USIM terutamanya anggota SISPA dan Smart Team USIM di atas sumbangan dan bantuan yang diberikan".

Kapten Bersekutu SISPA USIM, Dr. Shahrul Nizam Ahmad Zamzali berkata, "Program ini merupakan salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) USIM dan kami berharap ianya dapat meringankan beban para penduduk di sini yang sememangnya memerlukan bantuan pembersihan dan juga ubat-ubatan".

"Badan suami akak habis merah-merah dan gatal-gatal lepas banjir ini berlaku. Akak sangat berterima kasih pada pihak USIM kerana menyediakan kaunter kesihatan." ujar salah seorang penduduk yang sempat ditemu ramah. Menurut penggerusi penduduk Taman Sg. Mas, para penduduk terpaksa berhadapan dengan pelbagai penyakit dan bau yang kurang menyenangkan ekoran limpahan sisa kumbahan di sekitar kawasan tersebut dan kerugian dianggarkan sekitar RM25,000 bagi setiap unit kediaman.



# Mahasiswa FST Anjur ASRIM'11

Oleh: Khairul Azizi Elias



**B**uat kali ketiga berturut-turut, Seminar Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko (ASRIM) telah berjaya dianjurkan oleh mahasiswa Tahun 3 program Ijazah Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko, Fakulti Sains dan Teknologi (FST) yang berlangsung pada 12 Januari 2011. Bertempat di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, seminar yang bertajuk "Aspek Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko di dalam Dunia Pelaburan" ini telah disertai oleh 300 mahasiswa dari beberapa buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sekitar Lembah Kelang.

Antaranya ialah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Majlis perasmian disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Musa Ahmad, Timbalan Naib Canselor

Akademik & Antarabangsa, USIM. Menurut beliau, kesungguhan pihak universiti untuk menganjurkan seminar seperti ini menunjukkan komitmennya dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan di USIM seterusnya menyediakan peluang industri dalam sektor kewangan dan pelaburan yang merupakan salah satu komponen terpenting di dalam meningkatkan ekonomi negara. "Pasaran Bursa Kuala Lumpur contohnya merupakan bursa saham yang terbesar di Asia Tenggara dan itu adalah antara misi kerajaan untuk melihat Malaysia membangun sebagai Pusat Kewangan Islam dimasa akan datang" tambahnya lagi.

Antara objektif program ASRIM ialah memberi pengetahuan dan pengalaman kepada para pelajar tentang cara-cara menguruskan organisasi serta menerapkan sifat kepimpinan bagi menghadapi persaingan yang semakin

mencabar di masa hadapan. Selain itu, termasuklah menyahut seruan kerajaan dalam melaksanakan konsep modal insan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi yang bukan hanya mampu menguasai teori akademik semata-mata bahkan dapat mengaplikasikannya melalui penganjuran program yang bermanfaat.

Seminar ini juga merupakan program yang terawal yang telah dijalankan oleh pelajar-pelajar USIM pada tahun 2011 dan sambutannya sangat memberangsangkan.

Selain dapat menaikkan nama FST dan USIM kepada agensi serta industri yang berkaitan dengan Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko, seminar ini juga dapat membuka jalan kepada pihak universiti khususnya untuk menjalinkan kerjasama di peringkat global pada masa hadapan.

# Tunku Ampuan Najihah Rasmi Kompleks Sukan USIM

Tarikh 5 Mac 2011 merupakan satu lagi detik bersejarah buat seluruh warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sebagai menghargai jasa baik Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Tuanku Besar Burhanuddin, Kompleks Sukan USIM yang dahulunya dikenali sebagai "Pavillion" kini dengan rasminya diberi nama Kompleks Sukan Tunku Najihah.

Canselor Pertama USIM, Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Tuanku Besar Burhanuddin berkenan untuk merasmikan kompleks tersebut.

Majlis yang penuh bersejarah ini diadakan bersempena dengan Karnival Eksplorasi USIM 2011 "Simply Inspiring" yang berlangsung pada 4 hingga 6 Mac 2011.

Sehingga kini, Kompleks Sukan Tunku Najihah dilengkapi dengan gelanggang tenis, sepak takraw, bola tampar, bola baling, futsal, bola jaring dan 22 stesen latihan beban.

Selain itu, terdapat juga gimnasium, aktiviti kokurikulum dan pejabat sukan. Trek sintetik di kompleks itu juga telah diiktiraf oleh International

Association Athletic Federation (IAAF) sebagai kemudahan sukan yang bertaraf dunia. Lebih bermakna lagi, USIM merupakan universiti pertama di negara ini yang memperoleh pengiktirafan tersebut sejak tahun 2009.

Walaupun baru menjangkau usia 10 tahun, tetapi di atas komitmen dan kesungguhan pihak pengurusan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memilih USIM sebagai penganjur kepada Sukan Antara Universiti-Universiti Malaysia (Masum) pada tahun lalu.

KPT turut menjadikan kompleks itu sebagai Pusat Sukan Tumpuan Taekwondo KPT. Ini bermakna USIM diberi kepercayaan menyelaras dan membangunkan program pembangunan sukan lasak itu di seluruh IPT.



# Smooth MPP 2011 Elections At USIM

By: Khairul Azizi Elias



**N**ilai, February 22, 2011—The process of selecting the students who will be members of the Student Representative Council (MPP) for 2011 went on smoothly at the Islamic Science University of Malaysia (USIM). The electronic voting system "e-Undi" which was in operation from 8:30 am through 4:30 pm, was fully utilized by voters.

The success of a university is the success of all its undergraduates, said the Vice Chancellor of USIM, Professor Dato' Dr. Muhamad Muda, in a comment on the smooth-running of the MPP elections.

A total of 24 seats were up for grabs in this year's elections, with 13 candidates vying for 8 general seats and 17 others competing for 16 faculty seats. This year's elections witnessed a total of 7 faculty seats being won uncontested. These uncontested seats were for the Faculty of Shariah & Law (FSU), Faculty of Qur'anic & Sunnah Studies (FPQS), Faculty of Leadership & Management (FKP), Faculty of Economics & Muamalat (FEM), Faculty of Major Language Studies (FPBU), Faculty of Medicine & Health Sciences (FPSK), and Faculty of Dentistry (FPg).

Out of a total of 4920 students who are eligible to vote, including pre-university and graduate students, 4349 students actually cast their ballots, which means that the percentage of those who voted was 88.39 percent.

Br. Ibrahim Hussin Ibrahim bin Hussin from FSU secured 4231 votes to emerge the candidate with the most votes for a general seat, while the Faculty of

Science & Technology (FST) saw a battle between 4 candidates all vying to win the faculty seat. In the end, Br. Azim Faris bin Ab Rahim secured the most number of votes with 425 votes and Sr. Aminah Alias came second with 420 votes.

The MPP election results were announced by Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, the Deputy Vice Chancellor for Student & Alumni Affairs, who was also the Chairman of the Student Representative Council Elections committee.

FPg and FPQS were both awarded certificates of appreciation in view of their high voter turnout. FPg, USIM's smallest faculty in terms of student population, managed to have a turnout

of 100 percent, while FPQS, one of the larger faculties in the university, managed to have a turnout of 96 percent.

The Vice Chancellor expressed his gratitude to all concerned for making this year's MPP elections one of the most organized in USIM's history. He said that this proves that the students of USIM are knowledgeable in using the e-Undi system, which has been a feature of MPP elections since 2006,



and that the e-Undi system is the best. The Vice Chancellor also congratulated all candidates who won in the elections, and added that by winning they have a mandate and a responsibility to lead the other students toward the development and advancement of the university. As for those who did not win, the Vice Chancellor also had words of appreciation for them, saying that by nominating themselves as candidates, they exhibited their courage to participate in one of the university's most important annual events.



# USIM Johan Festival Nasyid Universiti 2011 (FENU)

**K**umpulan Nasyid Interaksee Urus setia Kesenian Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia sekali lagi membuktikan pencapaian hebat mereka apabila berjaya mengondol kesemua hadiah yang ditawarkan dalam Festival Nasyid Universiti(FENU) yang dianjurkan oleh UiTM.

Program yang berlangsung pada 12 Mac, di UITM Shah Alam itu telah memberi seribu kenangan yang sungguh manis kepada Kumpulan Interaksee Urus setia Kesenian Pelajar kerana berjaya memenangi Johan Keseluruhan FENU 2011, Vokal Terbaik melalui suara merdu Mohd Juhairee Mohd Junaidie Khan ( FPQS) dan Persembahan Terbaik. Mereka juga turut mempertahankan kejuaraan yang dimenangi dalam FENU 2010 yang lalu.

Bersandarkan kepada dua buah lagu ciptaan sendiri, Interaksee berjaya memukau barisan juri dan hampir seribu penonton yang hadir pada malam tersebut. Lagu pertama dendangan Interaksee yang berjudul Bangkitlah merupakan hasil karya pelajar USIM iaitu Muhammad Shukri Sahari dari

Fakulti Ekonomi dan Muamalat dengan pendekatan kreatif melalui penggunaan bahasa Loghat Kelantan yang unik. Manakala lagu kedua Seperti Inikah Dunia menggunakan konsep teaterikal dalam persembahan pentasnya yang berjaya menyentuh hati penonton merupakan hasil karya Encik Ismail Ahmed Pegawai Kebudayaan USIM dan liriknya oleh Ahmad Faiz Abdul Aziz pelajar sarjana FST.

Menyingkap pencapaian tersebut, Encik Ismail Ahmed menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT dan ucapan terima kasih kepada pengurusan tertinggi universiti khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar atas sokongan yang jitu dan padu telah berjaya memotivasi kan Urus setia Kesenian Pelajar USIM mencapai kecemerlangan sekali lagi di persada IPTA. Semoga kecemerlangan membanggakan ini akan dapat diteruskan lagi di masa akan datang. Insya-Allah.



# Pertandingan Video Platform Mahasiswa Perkasa Bahasa Arab

Oleh: Wanza Mohamad



**P**enganjuran Pertandingan Video Pelancongan Bahasa Arab 2011, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) yang diadakan pada 21 Disember yang lalu dilihat sebagai satu momentum baru dalam melahirkan mahasiswa yang kompeten, progresif dan berdaya saing. Mahasiswa tahun akhir FPBU berjaya membuktikan kredibiliti dan potensi mereka dalam menghasilkan video pelancongan kreatif Bahasa Arab dalam usaha mempromosi tempat-tempat pelancongan menarik di Malaysia.

Program ini dilihat sebagai satu usaha murni fakulti dalam merealisasikan kebolehpasaran mahasiswa serta memantapkan keupayaan mereka dalam menerokai ilmu di luar daripada bidang pengajian.

Bertemakan ‘Memartabatkan dan Memperkasa Bahasa Arab Melalui Pelancongan’, program yang dianjurkan oleh mahasiswa tahun empat FPBU melalui kerjasama erat Nadi Thaqafah FPBU ini layak diberi pujian kerana hampir 100% penganjuran program ini dilaksanakan dalam Bahasa Arab.

Bermatlamat untuk memantapkan kemahiran berkomunikasi melalui penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan peserta di samping menjadi platform terbaik untuk mempraktikkan ilmu pengajian di dalam kuliah untuk diaplikasi sepanjang sesi pembikinan video diadakan, program ini juga bertujuan mengasah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif di samping mencungkil bakat kepimpinan dalam setiap kumpulan dan pengendalian organisasi.

Sebanyak sembilan buah kumpulan yang diwakili mahasiswa tahun akhir FPBU telah berentap mempersempahkan kepelbagaiannya elemen kreatif mereka melalui penghasilan video kumpulan masing-masing berdasarkan konsep dan tema yang pelbagai. Program yang turut mendapat sokongan padu daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) ini telah dirasmikan oleh Prof Madya Dr Bhasah Abu Bakar, Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

Tampil berbeza berbanding kumpulan lain menjadi satu kelebihan apabila para juri bersepakat memilih kumpulan Abaqirah sebagai Johan dalam Pertandingan Video Pelancongan

Bahasa Arab 2011. Kumpulan Abaqirah yang dianggotai seramai sembilan orang mahasiswi telah berjaya memikat hati para juri melalui penghasilan video kreatif mereka, Rehlah Ilmiah Ila Kuala Lipis sebagai bahan dokumentari. Kekuatan ahli kumpulan ini yang diterajui oleh kesemua peserta perempuan tidak menjadikan penghalang utama kepada Abaqirah untuk bersaing dengan kumpulan lain.

Manakala tempat kedua dan ketiga pula disandang oleh kumpulan Al Farashah dan As-Saurah yang telah memilih lokasi Bandar Shah Alam, Selangor dan Bukit Tinggi, Pahang sebagai destinasi suntingan video mereka.

“Keseronokan saya adalah apabila dapat melihat anak-anak didik berjaya atas usaha dan kegigihan mereka yang tidak henti-henti menghasilkan video masing-masing. Apa yang saya suka ketengahkan, teruskan mewujudkan budaya kalis kritikan,” menurut Encik Hamadallah Mohamad Salleh, Penyelaras Program Pertandingan Video Pelancongan Bahasa Arab 2011 selepas majlis tersebut.

Encik Hamadallah turut merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya membuka legasi baru dan transformasi diri dalam usaha memartabatkan penggunaan bahasa Arab. Beliau turut melahirkan harapan agar usaha penambahbaikan diri dapat diteruskan bagi menjana pemerkasaan diri mahasiswa.

Majlis gilang-gemilang tersebut telah diadakan di DKF 1.2 Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) yang mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada mahasiswa-mahasiswa lain. Turut hadir dalam majlis tersebut, Puan Hazleena Baharun, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar & Pengurusan Prestasi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Encik Shahrul Haffi Mohd Fuad serta Penolong Pendaftar Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan staf sokongan yang lain.



# USIM Anjur Majlis Menjunjung Kasih Hargai Tunku Ampuan Najihah



**S**ebagai menghargai jasa dan bakti Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Najihah binti Tunku Besar Burhanuddin yang tamat tugasnya sebagai Canselor, USIM menganjurkan Majlis Menjunjung Kasih Yang Maha Mulia Tuanku Canselor sebagai penghargaan seluruh warga universiti kepada YMM Tuanku Canselor pada 30 November 2011 yang lalu.

Majlis diadakan di Dataran Canselori dan dihadiri oleh lebih 1,500 orang termasuk kakitangan dan mahasiswa USIM.

Turut hadir Pengurus Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor dan Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda.

Majlis gilang-gemilang dan penuh bermakna ini diserikan dengan tayangan video khas "Menjunjung Kasih Yang Maha Mulia Tuanku Canselor" yang memaparkan rentetan sejarah YMM Tuanku Canselor sepanjang berkhidmat sebagai Canselor Pertama USIM.

Tunku Ampuan Najihah telah dimasyurkan sebagai Canselor pada 9 Ogos 2003 dan merupakan Canselor pertama USIM.

Dalam ucapan pada majlis itu, Tunku Ampuan Najihah berkata, selama sembilan tahun memayungi universiti ini, baginda gembira melihat kesungguhan dan komitmen kakitangan USIM membawa perubahan dan kemajuan universiti.

Naib Canselor, Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda dalam ucapannya pula berkata, bakti Tunku Ampuan Najihah terhadap USIM amat besar, terutama dalam memainkan peranan untuk penarafan USIM sebagai sebuah universiti penuh daripada sebuah institusi yang berstatus kolej universiti.

Katanya, sejak konvokesyen pertama pada 2003 hingga kini, USIM telah melahirkan 5,233 graduan dan ramai antara mereka berjaya dalam pelbagai sektor.

Turut serta memberikan ucapan penghargaan, Saudara Ibrahim Husin Ibrahim, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar USIM dan Wakil Alumni, En. Mohamad Hariri Daud yang kini berkhidmat di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya.

YMM Tunku Ampuan Najihah juga dibawa meninjau seluruh kawasan USIM dari pandangan udara dengan sebuah helikopter yang disewa khas pada majlis tersebut dan diakhiri dengan sesi fotografi kenang-kenangan bersama ahli lembaga pengarah universiti, pengurusan tertinggi, dekan-dekan dan ketua jabatan.

# Majlis Menjunjung Kasih **Tunku Ampuan Najihah**





# USIM, HDC ANJUR PROGRAM GO! HALAL

Oleh: Khairul Azizi Elias

**U**niversiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM), Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC) dan Sekreteriat Lawatan Antarabangsa Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi (FST) telah menganjurkan Program Kesedaran Halal (Go! Halal) buat kali yang ke-2 pada 1 April 2011 yang lalu.

Menurut Puan Nur Adlina Addenan, Penolong Pendaftar Kanan di Pusat Kecemerlangan Penyelidikan USIM, Antara objektif program ini adalah untuk memberi galakan dan pengetahuan kepada para mahasiswa dan mahasiswi dalam isu-isu semasa di samping membuka peluang untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu-isu yang berkaitan daripada pihak yang berkenaan dan juga prospek kerjaya di dalam bidang ini.

"Melalui penganjuran proram ini para pelajar juga berpeluang untuk mendapatkan gambaran awal dan mereka boleh bertanya sendiri mengenai ruang dan peluang untuk menjalani sesi latihan industri serta prospek kerjaya setelah mereka menamatkan pengajian nanti" tambah beliau lagi. Seramai 150 peserta yang terdiri dari kalangan mahasiswa/i Program Sarjana Muda Bioteknologi Makanan, FST; mahasiswa/ i Kursus Elektif Sains Pemakanan, Program Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, Fakulti Syariah dan Undang-undang serta para penyelidik bersekutu IHRAM hadir bagi mengikuti program tersebut.

“*Melalui penganjuran proram ini para pelajar juga berpeluang untuk mendapatkan gambaran awal dan mereka boleh bertanya sendiri mengenai ruang dan peluang untuk menjalani sesi latihan industri serta prospek kerjaya setelah mereka menamatkan pengajian nanti*”

Antara pengisian program pada hari itu adalah ceramah bertajuk "Isu Halal Terkini" dan "Prospek Kerjaya dan cabaran industri Halal". Kedua-dua ceramah tersebut disampaikan oleh Encik Muhammad Elyas Harun, Pegawai Eksekutif Latihan dan Rundingan, Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC).



# USIM Sampaikan Bantuan Kepada Anak Yatim Dan Saudara Baru

Oleh: Khairul Azizi Elias



Seramai 40 anak yatim dari Yayasan Anak Yatim Piatu Islam Daerah Port Dickson menerima bantuan sempena ketibaan Aidilfitri ini daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada majlis yang diadakan di Kolej Kediaman 1, USIM pada 17 Ogos yang lalu.

Program bercirikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini dianjurkan oleh Badan Kebajikan Kakitangan USIM dengan kerjasama Jawatankuasa Pusat Islam USIM; Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas Usim (PRAGMATIS); Kesatuan Kakitangan Sokongan Usim (KUSIMA), dan Kelab Setiausaha Usim (KSU).

Bantuan serta sumbangan duit raya termasuk barang keperluan dapur itu disampaikan oleh Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda.

Anak-anak yatim dari rumah kebajikan tersebut turut diraikan dengan majlis berbuka puasa diikuti dengan solat Maghrib, Isyak dan terawih secara berjemaah.

Pada majlis yang sama, seramai 30 orang saudara baru dari Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) turut diraikan serta menerima sumbangan hamper.

Antara objektif program adalah bertujuan menzahirkan rasa kesyukuran terhadap Allah dengan mengagihkan rezeki yang dikurniakan kepada golongan yang memerlukan. Di samping itu, program sebegini merupakan sebahagian aktiviti kebajikan warga universiti kepada masyarakat.



# USIM Engraves The Name Of Malaysia In Brunei Darussalam

**A**fter struggling very hard in ASEAN-level Islamic Education Debate Competition organized by Brunei Darussalam University, Brunei Darussalam, USIM finally was crowned as the champion after successfully defeating the International Islamic University of Malaysia (IIUM) in the grand finale with the motion "The Muslims are Marginalized because They are Weak in Science and Technology".

This competition was held from 20th until 22nd June 2011 in conjunction with the celebration of the 25th anniversary of Brunei Darussalam University, which also involved other ASEAN universities.

As the opposition team, USIM was represented by Ummu Umairah bt Azahari, Mohd Ikhwan Mohd Rosseli, Muhammad Shah Izad bin Saleh and Muhammad Irhammudin bin Hj. Ibrahim who had won the championship title and returned home with the trophies and Brunei Dollar 1500 cash. Meanwhile, the best debater of the competition was Syazwan Shuhaimi from IIUM.

This final round was also attended by the Minister of Education, Brunei Darussalam, Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato' Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong together with the rector and vice chancellors of universities all over Brunei.

This sweet victory was achieved as the outcome of vigorous trainings and teachings conducted by the Malay debater legend, Mr. Syamsul Amri Bin Ismail who had brought USIM to the final round in numerous debate competitions, such as the Royal Debate, Environmental Debate, Integrity Debate, IKIM Understanding Islam Debate, and Sepang Municipal Council Open Debate.

According to Mr. Syamsul, "this success is not merely celebrated by USIM, and should be shared by the former debaters of USIM and all Malaysians".

On the other hand, Mohd Ikhwan said that they should not be completely satisfied and thus, stay in the comfort zone. Instead, they should keep improving themselves and the team.

The triumph at this ASEAN-level Islamic Education Debate Competition is definitely historic as USIM was honored in bringing the name of Malaysia to the ASEAN level. The moment after it was announced as the winner, USIM was invited to attend a special live interview session at Radio Televisyen Brunei (RTB). USIM was also given wide coverage by a number of Brunei local newspapers.

In addition, USIM also received several breakfast and lunch invitations with some VIPs. However, all the invitations had to be turned down due to time constraints. While in Brunei, USIM debate team was also assisted and accompanied by En. Rashid Rahman Hassan, runner-up the International Oration Competition 2011.

USIM debate team had undergone periodic trainings for four months, but the intensive training was conducted for two weeks in order to search for facts, information and current issues.

According to Ummu Umairah, "to succeed in debate does not only require fluency, but also wisdom and mastery of information".

Hence, it is not surprising that USIM debate team had to practise until late at night so as to achieve its objective to be an excellent one. Nevertheless, that is what it takes for the team to achieve its goal to be successful. The Malay debate team aims to keep honouring the name of USIM in the future



# Pelajar Sekolah Sertai Program Selangkah Ke USIM

Oleh: Khairul Azizi Elias

Seramai 30 pelajar sekolah kluster dan sekolah angkat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil bahagian dalam Program Selangkah ke USIM pada 20 hingga 20 Disember lalu.

Program yang dimulakan sejak 2009 bertujuan mendekati dan mempromosikan USIM secara terus kepada kumpulan sasaran iaitu pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Program selama tiga hari dua malam itu telah diadakan di kampus utama USIM di Nilai dan kampus cawangan di Pandan Indah.

Ia melibatkan program khusus seperti taklimat dan lawatan serta program bebas iaitu menjalani kehidupan sehari-hari sebagai pelajar Pusat Tamhidi USIM bersama *buddy* masing-masing.

Seramai 30 orang *buddy* dilantik di kalangan pelajar cemerlang Pusat Tamhidi bagi memberi suntikan moral kepada pelajar dan peserta.

Semasa program tersebut, para peserta menginap di asrama bersama *buddy* masing-masing untuk membangkitkan suasana kehidupan sebenar seorang pelajar universiti.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program itu antaranya sesi tazkirah dan perkongsian pengalaman bersama *buddy*, ceramah motivasi dan kerjaya; lawatan ke Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian, *candle war* dan aktiviti dalam kumpulan.

Pengarah Pusat Tamhidi USIM, Dr. Nurlida Basir berkata, Program Selangkah ke USIM kali ini dapat dijalankan dengan jayanya dengan

kerjasama dan penglibatan para peserta dari sekolah kluster dan sekolah angkat USIM.

"Pelbagai aktiviti dan pengisian telah kita jalankan di dalam memberikan pendedahan secara terus kepada para peserta seperti merasai sendiri kehidupan sebagai pelajar Tamhidi di USIM," katanya.

Menurutnya, *buddy* yang ditampilkan terdiri daripada pelajar cemerlang dan ia dapat menjadikan mereka sebagai idola dan inspirasi kepada para peserta.

"Diharapkan Program Selangkah ke USIM ini dapat menambat hati para peserta dan seterusnya memilih USIM sebagai destinasi pengajian tinggi pilihan pertama mereka pada depan," katanya.



# Global Islamic Students Outreach (GISO)



**'Lawatan Kecemerlangan Seni Budaya 1 Dunia 2011: Vietnam'**  
 • 24-30 September 2011  
 Urus Setia Kebudayaan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar



**'Lawatan Ilmiah ke Beijing, China 2011'**  
 • 22-28 Julai 2011,  
 Jawatankuasa Kebajikan Siswa-Siswi Kolej Kediaman Desa Jati



**'Lawatan Intelek Majlis Perwakilan Pelajar 2011: Australia'**  
 • 22-29 Mei 2011  
 Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2010



**'Ekpedisi Jejak Islam 2011: Indonesia'**  
 • 5-11 Mei 2011  
 Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan



**'Kembara Ilmu ke Korea Selatan 2011'**

• **18-24 Julai 2011**  
**Jawatankuasa Kebajikan**  
**Siswa-Siswi Kolej Kediaman 1**



**'Misi Kemanusiaan 2011: Kemboja dan Vietnam',**  
• **11-17 Julai 2011**

**Urus Setia Latihan Pembangunan Mahasiswa**  
**Bahagian Hal Ehwal Pelajar**



**'Mahasiswa USIM Merentas ASEAN 2011: Filipina'**  
**(MUSIM MASEAN)**

• **13-19 Jun 2011**

**Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia Bahagian Hal Ehwal Pelajar**



**'Rehlah Nusantara 2011: Indonesia'**  
• **23-29 Mei 2011**  
**Kelab Debat Bahagian Hal Ehwal Pelajar**



**'Penjelajahan Ilmiah Merentas Asia 2011: Emiriah Arab Bersatu'**  
• **22-29 Mei 2011**  
**Jawatankuasa Kebajikan Siswa-Siswi Kolej Kediaman Sutera Indah**

# الاحتفال بذكرى مرور خمس سنوات من تأسيس كلية دراسات اللغات الرئيسية

أقيم برنامج خاص بمناسبة ذكرى مرور خمس سنوات من تأسيس كلية اللغات الرئيسية (FPBU) في يوم الأحد 23 يناير ، 2011 في قاعة المحاضرات الرئيسة لـ FPQS. وذلك لإظهار المودة والتقدير والامتنان من إنشاءها وإنجازها حتى الآن. ويشق نجاح التحرّكات العام للكلية طريقه على مرور أعوام ويعكس ذلك على نجاح طلابها وأساتذتها وموظفيها. وبعد هذا البرنامج فريداً من نوعه لشحذ الحماسة لدى أعضاء الكلية نحو أكثر تقدماً ونجاحاً في السنوات المقبلة.



والمدف منه إظهار التقدير للكلية على إنجازها في الوقت الحاضر، وكذا غرس روح المحبة والودة لها. وكذا غرس روح الحب للغة ولتعلمها ول مجال التربية، إضافة إلى إعطاء الفرصة أمام الطلاب والطالبات لمعرفة مجال المهن الذي يمكن أن يشاركون فيه بعد التخرج. وتم إقامة الأنشطة والمسابقات المتنوعة مثل الرياضة المشتركة بين برنامج بطولة كأس عميد والمسابقة الإنجليزية "لقد حصلت على الدماغ!" ومسابقة الكتابة باللغة العربية.

وقبيل اختتام هذه القمة قام بافتتاحها رئيسياً الأستاذ الدكتور داتو محمد بن مودا مدير جامعة العلوم الإسلامية الماليزية وفي نهاية الافتتاح قام بتوزيع الجوائز للفائزين.

بالإضافة إلى حفل توزيع الجوائز ، يتمتع شرف الحفل والحضور بالمسرحية من فريق طلاب الكلية. وقطع كعكة الذكرى وإلقاء القصيدة من محاضر الكلية. وقبيل نهاية الحفل عقد الحوار المتوازي حول المهن المستقبلية للطلاب. وكان المتحدثون وان إلياس بن حييء وان عبد الله من مخطة إذاعة الهجرة والسيد أحمد مصريزال بن الختج محمد من معهد أمين الدين باكي.



# Pelajar USIM Asah Bakat Menulis Dalam Bengkel Penyiaran Media USIM 2011

**P**epatah berkata "Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya". Menghimpunkan barisan penceramah yang berpengalaman luas dan terlibat secara langsung dalam penyiaran media massa hari ini, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (BHEP USIM) telah berjaya menganjurkan Bengkel Penyiaran Media USIM 2011 yang bertempat di Dewan Kuliah Fakulti Kepimpinan USIM pada 18 hingga 19 Mei yang lalu.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan program tersebut bagi memberi peluang kepada pelajar dan kakitangan BHEP mendapat pendedahan dalam dunia penyiaran khususnya segmen promosi berita-berita di dada akbar perdana. Program ini bertujuan memperkasakan gaya penulisan berita dan rencana di samping pengetahuan dalam bidang multimedia serta langkah-langkah untuk mempromosi program dan aktiviti pelajar.

Kehadiran penceramah yang berwibawa seperti Ahmad Fedri Yahya dari TV3, mendedahkan kepada peserta aspek-aspek penyiaran media elektronik terutamanya segmen yang popular sebagai rujukan serta memperbaiki ketajaman penulisan di media

elektronik. Ketika ditemu bual Ahmad Fedri berkata, USIM telah mengambil langkah yang sangat signifikan dalam penekanan aspek penulisan berita dengan menyediakan platform yang terbaik bagi peserta bengkel kali ini. Beliau turut menambah kepekaan pengurusan universiti dan BHEP telah menjadikan Bengkel Penyiaran Media USIM 2011 lebih bermakna dan membawa manfaat kepada 35 peserta yang menyertai bengkel yang buat julung kalinya diadakan di USIM.

Menambah keterujaan peserta, segmen penulisan rencana dan berita telah dikendalikan oleh Encik Muhd Yusuf Abu Bakar dari Berita Harian dan Encik Mohd Saiful Mohd Sahak Utusan Malaysia. Tips-tips terbaik penghasilan berita dan rencana telah meningkatkan semangat para peserta supaya menghasilkan penulisan berkualiti menjurus kepada berita aktiviti-aktiviti pelajar USIM dalam penerbitan di masa hadapan. Tidak ketinggalan aspek fotografi dan multimedia yang ditunjanggi oleh jurugambar berpengalaman di peringkat antarabangsa iaitu Encik Mahfooz Nabi Rasul dari NIKON yang pernah menimba ilmu bersama National Geographic yang berpangkalan di New York, USA dan penceramah dalaman Encik Mohd Saiful Abdul Samad, Pegawai Teknologi

Maklumat Kanan, Bahagian Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa USIM.

Majlis perasmian Bengkel Penyiaran Media USIM telah disempurnakan oleh Encik Nasrul Hakim Ahmad, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM. Ketika diminta ulasan beliau menzhirkan kesyukuran dan berterima kasih kepada pengurusan USIM yang sentiasa menyokong program kecemerlangan pelajar. Beliau juga yakin bahawa program seperti ini berupaya meningkatkan kemahiran penulisan dan pengetahuan yang berguna kepada pelajar terutamanya dengan adanya Unit Kebudayaan yang dipertanggungjawabkan dalam soal menyebarluaskan promosi program di BHEP. Ujar beliau lagi, urus setia program ini telah dijalankan oleh Unit Kebudayaan BHEP dengan kerjasama Urus setia Kesenian Pelajar USIM telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan terutamanya dengan kehadiran tenaga pengajar yang sangat berpengalaman. Akhirnya beliau berharap semoga kejayaan Bengkel Penyiaran Media USIM 2011 akan memberi manfaat jangka panjang dan berterusan.



# Roadshow Pendermaan Organ Dapat Respons Positif



**S**enario pendermaan organ kini menunjukkan perubahan yang positif di Malaysia. Ini kerana kita dapat lihat daripada peningkatan kesedaran orang ramai terhadap pendermaan organ, serta peningkatan jumlah penderma dan pengikrar pendermaan organ tahun demi tahun, kata Pengurus Jawatan Kuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ, Kementerian Kesihatan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye pada Majlis Perasmian Pelancaran Organ Peringkat Negeri Sembilan pada 15 Disember 2011.

Menurutnya, dengan adanya kempenkempen kesedaran pendermaan organ yang dijalankan terutamanya kempen menerusi media, ia telah berjaya meningkatkan kesedaran dan mengubah persepsi negatif masyarakat Malaysia sekaligus memberikan respons yang positif terhadap pendermaan organ.

"Saya amat berpuas hati kerana statistik menunjukkan bahawa jumlah pengikrar yang mendaftar bagi tahun ini sahaja sehingga bulan November ialah seramai 25,719 orang."

Berdasarkan kepada statistik dari Pusat Sumber Transplan Nasional, golongan berumur 11 hingga 30 tahun merupakan bilangan pengikrar paling ramai iaitu, 103,611. Ia suatu yang membanggakan apabila kesedaran di kalangan golongan muda yang tampil mendaftar sebagai pengikrar semakin meningkat pada tahun ini," tambah beliau.

Saya mengambil peluang di sini untuk

menyeru supaya anda semua mendaftar sebagai penderma bagi mereka yang belum lagi mendaftar, ini kerana saya percaya setiap daripada kita terdiri daripada rakyat Malaysia yang prihatin terhadap mereka yang amat memerlukan organ baru untuk meneruskan kehidupan, tambahnya lagi sekaligus merasmikan Roadshow Promosi Pendermaan Organ Siri 4/2011 pada tahun ini.

"Kami menyediakan sebanyak 13 tempat di setiap pusat perubatan di Negeri Sembilan bagi mereka yang ingin mendaftar atau mengetahui maklumat tentang pendermaan organ," kata Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan, Dato' Ariffin Mohd. "Saya amat berbangga kerana USIM terpilih sebagai destinasi untuk mengadakan roadshow pada kali ini. Ini kerana, ia bertetapan dengan program transformasi kepimpinan mahasiswa yang universiti adakan," kata Timbalan Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah.

"Transplan adalah pembedahan organ yang rosak tahap akhir bagi menggantikan organ yang baru daripada orang lain. Antara organ yang boleh didermakan ialah, jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, dan pankreas. Manakala tisu pula, injap jantung, tulang, kulit, dan kornea," kata Ketua Pengurus Klinikal Dan Penyelaras Perolehan Transplan, Datin Dr. Fadhilah Zowyah Lela Yasmin Mansor

Tambahnya lagi, hanya orang yang mati otak sahaja boleh menderma kerana organ lain memerlukan oksigen.

Beliau juga menerangkan cara untuk menjadi seorang penderma ialah, mengisi borang dan berikrar, serta memberitahu kepada keluarga dan mendapatkan maklumat yang betul.

"Hukum pendermaan organ adalah harus, kerana ia merupakan satu kebajikan kepada orang lain. Dengan adanya teknologi yang canggih pada masa kini, risiko kematian bagi penderma adalah amat nipis iaitu satu per tiga ribu," menurut beliau lagi.

"Saya mula mengidap penyakit buah pinggang pada 1965, dan ia mengganggu tahap kecerdasan dan pergerakan saya dalam melakukan aktiviti sehari-hari. Sehingga terpaksa menjalani dua rawatan iaitu, hemodialisis dan CAPD," kata salah seorang penerima buah pinggang, En. Nurizam.

Program yang dimulai dengan acara walkathon 10,000 langkah ini menjemput Kiran Hot fm sebagai pengacara program tersebut yang merupakan duta kesihatan Malaysia. Acara ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada timbalan naib canselor dan semua warga USIM di dalam menyokong acara walkathon tersebut.

Roadshow yang pernah diadakan di Melaka, Kedah dan Sarawak ini telah memilih Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan sebagai salah satu destinasi untuk mempromosikan aktiviti sambutan sekaligus sebagai aktiviti penutup kepada program promosi pendermaan organ siri 4/2011 pada tahun ini.



# USIM Johan Debat Alam Sekitar IPT 2011

**U**niversiti Sains Islam Malaysia (USIM) buat pertama kalinya muncul johan Debat Alam Sekitar Institusi Pengajian Tinggi ke-21 selepas berjaya menewaskan Universiti Malaya (UM) pada pusingan akhir yang berlangsung di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM), 27 September yang lalu.

Kemenangan sulung USIM yang bertindak mewakili pihak kerajaan itu diraih selepas usul tajuk perbahasan Kelestarian Alam Sekitar Membina Ketamadunan Bangsa diterima panel hakim, sekali gus meletakkan UM selaku pembangkang di tempat kedua.

Pendebat dari USIM yang terdiri daripada Mohamad Shah Izad Saleh, Mohd. Faiz Hussim Shokri, Mohd. Ikhwan Mohd. Rosseli dan Muhd. Irhammudin Ibrahim membawa pulang wang tunai RM8,000, piala pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar serta piala iringan.

Manakala, pendebat UM yang muncul sebagai naib juara membawa pulang wang tunai RM5,000 dan piala iringan dan bagi tempat ketiga dan keempat milik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang masing-masing membawa pulang wang tunai RM1,000 dan piala iringan.

Pertandingan itu juga menyaksikan pendebat USIM, Mohd. Ikhwan Mohd. Rosseli dipilih sebagai pendebat terbaik yang melayakkannya membawa pulang wang tunai RM1,500, piala Ketua Pengarah Alam Sekitar dan hadiah iringan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dr. Abdul Rahim Nik mewakili Menteri, Datuk Seri Douglas Unggah Embas.

Abdul Rahim semasa berucap pada majlis itu berkata, pendedahan mengenai kesedaran alam sekitar kepada generasi muda perlu diperluaskan dalam usaha mengurangkan kadar pencemaran alam pada masa akan datang.

Menurut beliau, sebagai generasi pelapis, mereka akan memikul tanggungjawab merancang dan melaksana pembangunan negara secara bijak agar tidak menjelaskan alam sekitar



# SWAT Tingkatkan Kefahaman Masyarakat Terhadap al-Quran

Oleh: Khairul Azizi Elias

**A**l-Quran merupakan wahyu Allah kepada Nabi Muhammad SAW yang bersifat syumul. Ia meliputi segala aspek kehidupan manusia dan berperanan sebagai petunjuk kepada manusia untuk mengecapi kehidupan yang harmoni dan berpengetahuan di dunia serta menikmati kehidupan yang abadi di akhirat.

Namun, malang sekali kerana kebanyakkan penemuan tersebut ditemui dan dikaji oleh orang bukan Islam. Mereka mengambil kesempatan untuk mengkaji al-Quran kerana mereka dapat padanya terdapat ilmu pengetahuan yang merangkumi rohani dan jasmani, kemajuan dan pembangunan. Lantas cuba menjatuhkan orang Islam daripada lalai mendekatkan diri dengan al-Quran sehingga al-Quran sekadar menjadi perhiasan dan bukan lagi rujukan yang seharusnya menjadi panduan hidup.

Sehubungan dengan itu, USIM menerusi Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah telah menganjurkan Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT) buat kali ke-2 pada 21 -22 september 2011 yang lalu dengan bertujuan menghimpunkan para cendekiawan Islam untuk membincangkan isu-isu semasa

berkaitan ilmu-ilmu al-Quran yang bersifat turath, serta integrasi ilmu saintifik dan moden dengan al-Quran al-Karim

Dengan bertemakan "Quran: Sumber Warisan, Pencetus Inovasi", seminar selama dua hari ini membincangkan bidang-bidang yang merangkumi bidang berkaitan al-Quran seperti integrasi Quran dan Ilmu Pengetahuan Moden; Penemuan Saintifik dan Inovasi; Aplikasi Teknologi dalam Pengembangan Ilmu; Isu Semasa Pengajian Tafsir; Isu Semasa Pendidikan; Seni Bacaan dan Penulisan Quran dan banyak lagi.

Sebanyak 128 kertas kerja merangkumi Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab telah berjaya dibentangkan pada seminar kali ini dan pembentangan kertas kerja khas telah disampaikan oleh Y.Bhg Profesor Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff, Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.

Y. Bhg Tuan Haji Othman Bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM telah hadir bagi merasmikan seminar ini manakala ucaptama SWAT 2011 telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Zaghloul al-Najjar, Profesor Adjung USIM.



# Interaksee Catat Kemenangan di Festival Nasyid MAKUM 2011

**M**erealisasikan nasyid sebagai khazanah warisan budaya telah berjaya mencungkil kreativiti dan bakat-bakat pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam Festival Nasyid MAKUM 2011 yang bertemakan 1 Malaysia, bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 30 Oktober yang lalu.

Sebanyak 16 IPTA telah menyertai Festival Nasyid MAKUM 2011, dan pertandingan ini terbahagi kepada dua sesi yang berlangsung di sebelah petang dan malam.

Terdapat lapan kategori anugerah dan hadiah yang ditawarkan pada festival kali ini. Setiap kategori menawarkan tiga pingat iaitu emas, perak dan gangsa.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Mohd Fadzil Abd. Rahman, Timbalan Naib Canselor HEPA UniMAS merangkap Pengerusi MAKUM.

Universiti Kebangsaan Malaysia dinobatkan sebagai johan keseluruhan dengan membawa pulang wang tunai RM2000 beserta piala iringan dan pingat emas manakala naib johan dimenangi oleh Universiti Putra Malaysia dengan menerima wang tunai RM1500 beserta piala iringan dan pingat perak.

“Seiring Melangkah” hasil karya kreatif Syukri Dahari yang dinyanyikan oleh kumpulan nasyid Interaksee, Urus setia Kesenian Pelajar Unit Kebudayaan BHEP Universiti Sains Islam Malaysia berjaya meraih tempat ketiga keseluruhan dengan membawa pulang RM1000 beserta piala iringan dan pingat gangsa.

USIM juga berjaya membawa pulang pingat gangsa dalam kategori anugerah persembahan terbaik.

Menurut salah seorang peserta nasyid USIM, Mohd Juhairee Mohd Junaidie Khan “ Kemenangan ini merupakan satu lagi titik tolak untuk kami terus bangkit memperjuangkan seni nasyid sekaligus mengharumkan nama USIM bukan sahaja di peringkat IPTA malahan diseluruh mata dunia.”

“Beliau juga turut mengatakan festival seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan silatulrahim dan berkongsi pengalaman dengan mahasiswa dari IPTA yang lain”, katanya.

Buat julung kalinya USIM dan UKM dengan kerjasama MAKUM akan menerbitkan album kompilasi nasyid yang memuatkan lapan buah lagu terbaik dalam festival nasyid MAKUM 2011. Kesemua lapan lagu terbaik ini telah dinilai oleh juri profesional tanah air.

Festival nasyid MAKUM 2011 merupakan medium yang berupaya menyalur serta merealisasikan gagasan 1 Malaysia melalui suntikan rasa kecintaan para pelajar terhadap bidang seni budaya antaranya dengan mengenali dan mendalamai seni nasyid sesuai dengan temanya 1 Malaysia.



# MOU USIM

**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara  
Universiti Sains Islam Malaysia Dan Universiti Sultan Sharif Ali,  
Brunei 23 Mac 2011**



**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara  
Universiti Sains Islam Malaysia Dan Jabatan Wakaf,Zakat Dan Haji  
(JAWHAR) 30 Mac 2011**



**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara  
Asia e University Dan Universiti Sains Islam Malaysia  
30 Mac 2011**



**Majlis Menandatangani Memorandum  
Persefahaman Antara Universiti Sains Islam Malaysia Dan  
Alhijrah Media Corporation (TV ALHIJRAH) 30 Mac 2011**



# MOU USIM

**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara  
Universiti Sains Islam Malaysia Dan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah  
(KIPSAS) 11 Julai 2011**



**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara  
Universiti Sains Islam Malaysia Dan Universiti Islam Indonesia  
(UII) 26 Julai 2011**



**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara  
Universiti Sains Islam Malaysia dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri  
Sembilan (DPMMNS) 10 November 2011**



**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara  
Universiti Sains Islam Malaysia dan ALDIWAN (M) Sdn Bhd  
22 Disember 2011**



# Penerbitan USIM 2011

Oleh: Noor Adibah Binti Mohamad

## DARI SUNGAI PAHANG KE SUNGAI NIL


- Menongkah Arus Meneraju Menara Gading • BIOGRAFI ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN

**RM 50.00**

**ISBN: 978-967-5295-97-3**

**Mohammad Haji Alias, et. al.**

Biografi ini adalah tentang seorang tokoh ulama dan akademik. Professor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor Bin Haji Husin adalah seorang tokoh yang terkenal di peringkat antarabangsa, serantau dan kebangsaan. Dalam pembangunan pendidikan dan pengajian tinggi islam negara nama beliau tidak asing lagi. Tan Sri telah memainkan peranan dan memberi sumbangan yang amat signifikan dalam penubuhan dan pembangunan USIM daripada fasa conceptualisation kepada fasa realisasi dan pemantapannya. Dengan penubuhan USIM, pengajian islam dimartabatkan ke dalam arus pendidikan negara. Tokoh ini berasal dari Kampung Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang.



## KAUNSELING KELOMPOK

**RM 28.00**

**978-967-5295-77-5**

**Sapora Sipon**

Buku ini memberi tumpuan kepada beberapa tajuk khusus berkaitan kaunseling kelompok antaranya, definisi kaunseling kelompok di samping membincangkan keperluan dan matlamat kewujudan kelompok dan diikuti sejarah perkembangan kelompok. Jenis-jenis kelompok, prosedur perancangan kelompok dengan melihat tujuan, tempat, jangka masa, ahli-ahli dan sistem penilaian juga merupakan antara tajuk yang dibincangkan dalam buku ini. Seterusnya, perbincangan terperinci mengenai setiap peringkat yang terdapat dalam proses kaunseling iaitu peringkat pembentukan, peringkat transisi, peringkat bekerja dan peringkat penamatian. Buku ini ditulis menggunakan bahasa yang mudah difahami dan disertai dengan gambar yang bersesuaian. Amat sesuai untuk pelajar bidang kaunseling dari institusi pengajian tinggi, guru, kaunselor serta mereka yang ingin mengetahui mengenai kaunseling kelompok.



## MADKHAL ILA ILMIL KALAM - TAMHID WA MANHAJ

**RM35.00**

**ISBN 978-967-5295-79-9**

**Kamaludin Nordin Marjuni**

Buku ini membincangkan tentang kemunculan dan perkembangan aliran-aliran ilmu kalam atau biasa disebut sebagai aliran teologi Islam. Ilmu kalam disebut juga ilmu usuluddin dan ilmu ini memicarkan tentang wujud Tuhan (Allah) sifat-sifat Tuhan yang mesti ada pada-Nya, sifat-sifat yang tidak ada pada-Nya dan sifat yang mungkin ada pada-Nya dan membicarakan tentang rasul rasul Tuhan, untuk menetapkan kerasulannya dan mengetahui sifat-sifat yang mesti ada padanya dan sifat-sifat yang mungkin terdapat padanya. Dalam mengkaji dan membahas materi ilmu kalam ini terdapat pelbagai cara memahaminya di kalangan umat Islam. Dan pemahaman yang lahir dari suatu cara memahami materi ilmu kalam ini dalam bahasa Arab dikenali dengan istilah: (firqaq) yang jamaknya (firaq).



## ILMU AL-LUGHAWIYAT AL ARABIAH : AL-MANHAJ AL-MUTAKAMIL LI TA'LIM

**RM 34.00**

**ISBN 978-967-5295-87-4**

**Asma Abdul Rahman**

Buku linguistik bahasa Arab ini berteraskan dan berlandaskan kepada pemikiran ahli bahasa yang agung seperti Ibnu Khaldun dan Chomsky Saussure serta dibangunkan mengikut matlamat falsafah pendidikan negara untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi mental, fizikal, rohani dan berakhlik mulia. Selain itu, matlamat buku ini diterbitkan untuk membantu pelajar dalam kemahiran asas seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis seterusnya dapat menjadikan mereka mampu dan mahir dalam penggunaan bahasa Arab yang digunakan di dalam al-Quran dan sumber-sumber rujukan berbahasa Arab. Seterusnya, mampu bertutur dalam bahasa Arab dan menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian. Buku ini juga merangkumi semua aspek pembelajaran dalam bahasa Arab seperti tatabahasa, morfologi, penggunaan bahasa, intonasi, perbendaharaan kata serta penggunaan bahasa Arab klasik. Kemahiran asas yang empat iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis adalah salah satu aspek yang penting dalam pembelajaran bahasa.

